



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SEMBILAN

SIRI 1





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SEMBILAN

SIRI 1

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PENDAHULUAN	3
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN Pengurusan Bantuan Am	3
JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN Pengurusan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan Dan Ladang Rakyat	14
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DIPERBADANKAN Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.	29
YAYASAN NEGERI SEMBILAN Ganda Akademik Sdn. Bhd.	43
PENUTUP	59



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sembilan.

2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2012 untuk sesi pembentangan pertama tahun 2013 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.

3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan

kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 17 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

11 Februari 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN

- Pengurusan Bantuan Am

1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan (Jabatan) berperanan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat agar pembangunan Kerajaan Negeri dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat. Salah satu langkah yang diambil adalah dengan memberi bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan iaitu melalui Skim Bantuan Am. Kadar Bantuan Am Negeri yang ditetapkan di Negeri Sembilan adalah antara RM100 hingga RM200 sebulan dan tambahan sebanyak 33.3% melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sehingga bulan Jun 2012, jumlah penerima bantuan ini bagi seluruh Negeri Sembilan adalah seramai 6,622 orang. Bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Jun 2012, Jabatan menerima peruntukan sejumlah RM26.98 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM12.42 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2012 mendapati secara keseluruhannya Pengurusan Bantuan Am adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Pembayaran dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia.
- Ciri-ciri keselamatan semasa sesi agihan wang tunai adalah longgar.
- Tidak ada perakuan oleh pegawai pembayar dan saksi pada Penyata Bayaran.
- Pengesahan kemasukan ke akaun bank penerima tidak dibuat.
- Kelewatan menjalankan siasatan terhadap permohonan bantuan.
- Kelewatan meluluskan permohonan bantuan.
- Kelewatan memaklumkan keputusan permohonan bantuan.
- Kajian semula kes tidak dijalankan mengikut peraturan.

1.3. Bagi meningkatkan tahap pengurusan Bantuan Am, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Menjalinkan kerjasama dengan pihak ketiga seperti Jabatan Pendaftaran Negara bagi pengesahan maklumat peribadi penerima bantuan. Selain itu, Jabatan juga boleh menggunakan khidmat Penghulu di Pejabat Daerah Dan Tanah dalam membantu untuk mendapatkan maklumat penerima atau pemohon bantuan.

1.3.2. Memastikan langkah keselamatan terhadap pegawai dan wang tunai dalam proses pengagihan wang bantuan di luar pejabat seperti dengan mendapatkan perkhidmatan pengiring.

1.3.3. Menggalakkan penerima bantuan untuk membuka akaun bank supaya bayaran melalui bank dapat dilaksanakan dengan lebih meluas. Kaedah ini dapat meringankan tugas pegawai di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah selain keselamatan wang bantuan lebih terjamin.

1.3.4. Memastikan pegawai pembayar dan saksi melengkapkan penyata bayaran dengan menurunkan tandatangan semasa membuat bayaran.

1.3.5. Memastikan pihak bank yang berkenaan mengemukakan penyata bank pada setiap bulan untuk dibuat semakan terhadap kemasukan wang bantuan ke akaun penerima.

1.3.6. Memastikan proses permohonan bantuan dan kajian semula mematuhi peraturan yang ditetapkan dan Piagam Pelanggan Jabatan.

2. JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN

- Pengurusan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan Dan Ladang Rakyat

2.1. Di Negeri Sembilan, projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Ladang Rakyat telah dilaksanakan mulai pada tahun 2006. Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (Jabatan) berperanan sebagai pemilik projek dan bertanggungjawab terhadap pengurusan kedua-dua projek berkenaan. Antara objektif pembangunan TKPM adalah bagi mewujudkan zon kekal bagi pengeluaran tanaman makanan; menggalakkan pembangunan rantaian bekalan makanan bersepadu dan menyasarkan pendapatan bersih peserta sejumlah RM3,000 sebulan. Manakala matlamat projek Ladang Rakyat antaranya adalah untuk mewujudkan kawasan kekal bagi pengeluaran hasil sayur-sayuran untuk keperluan rakyat Negeri Sembilan; menyasarkan untuk melahirkan usahawan yang berupaya memperoleh pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan; dan meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negeri. Sehingga Jun 2012, sebanyak 5 TKPM dan 4 Ladang Rakyat telah dibangunkan di Negeri Sembilan dengan keluasan masing-masing 258.37 hektar (67 peserta) dan 42.80 hektar (23 peserta). Bagi tempoh tahun 2010 hingga Jun 2012, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM5.33 juta bagi membiayai projek TKPM dan sejumlah RM3.08 juta (57.8%) telah dibelanjakan. Manakala Kerajaan Negeri bagi tempoh yang sama telah memperuntukkan sejumlah RM0.55 juta bagi melaksanakan Projek Ladang Rakyat dan sejumlah RM0.39 juta (70.9%) telah pun dibelanjakan.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2012 terhadap projek TKPM dan Ladang Rakyat di 4 Pejabat Pertanian Daerah iaitu Jelebu, Jempol, Port Dickson dan Tampin mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek adalah memuaskan tetapi terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi pengeluaran hasil tanaman tidak mencapai sasaran.
- Prestasi pendapatan peserta tidak mencapai sasaran.
- Tunggakan bayaran sewa pajakan tahunan.
- Plot tanaman belum diagih dan terbiar.

2.3. Bagi mengatasi kelemahan serta menambah baik pengurusan projek TKPM dan Ladang Rakyat, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Jabatan perlu memberikan latihan secara berterusan di samping memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknologi pertanian terkini bagi meningkatkan komitmen peserta agar sasaran hasil pengeluaran dan pendapatan bersih peserta dapat dicapai.

2.3.2. Jabatan perlu menilai semula syarat perjanjian pajakan agar Jabatan mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap peserta yang gagal menjelaskan sewa pajakan.

2.3.3. Jabatan perlu membuat kajian semula kesesuaian tanah bagi setiap projek TKPM dan Ladang Rakyat terhadap plot tanaman yang terbiar atau tidak diusahakan akibat daripada keadaan tanah yang tidak sesuai.

3. MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DIPERBADANKAN

- Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.

3.1. Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai Syarikat Sendirian Berhad di Malaysia pada 15 Mac 2007. Ia merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Menteri Besar Negeri Sembilan Diperbadankan atau Menteri Besar Negeri Sembilan Incorporated. Modal dibenarkan dan modal berbayar bagi SAINS masing-masing adalah berjumlah RM1 juta dan RM0.63 juta. SAINS telah dipertanggungjawabkan untuk mengambil alih peranan dan fungsi pengurusan sistem bekalan air di Negeri Sembilan daripada Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) mulai 1 Januari 2009. SAINS bertanggungjawab dalam memastikan bekalan air berkualiti untuk seluruh penduduk Negeri Sembilan serta penambahbaikan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada setiap pelanggan. SAINS adalah sebuah agensi berlesen yang telah menerima mandat dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di bawah Seksyen 174 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 pada 1 Januari 2009. Selaras dengan objektif SPAN, proses pengkorporatan ini telah menyusun semula industri air negara di mana beberapa perjanjian yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah dimeterai pada 31 Disember 2008 antaranya menyerahkan hak pegangan semua aset air di Negeri Sembilan kepada PAAB dengan ganjaran berjumlah RM1.2 bilion. Pihak PAAB seterusnya memajak aset berkenaan kepada Kerajaan Negeri untuk tempoh selama 45 tahun sebagaimana terma-terma yang telah dipersetujui.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2012 terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat mendapati:

- Prestasi kewangan SAINS adalah memuaskan kerana pada tahun 2010 dan 2011, SAINS telah mencatatkan keuntungan bersih masing-masing berjumlah RM1.10 juta dan RM1.93 juta berbanding kerugian bersih sejumlah RM20.30 juta pada tahun 2009.
- Pakej 3 Projek Skim Bekalan Air Triang lewat disiapkan dan telah diberikan tempoh lanjutan masa sebanyak 4 kali.
- Tunggakan ganti rugi kehilangan air (penggunaan air secara tidak sah) bagi tempoh tahun 2010 hingga Mei 2012 berjumlah RM0.44 juta atau 45.4% daripada jumlah tuntutan ganti rugi yang berjumlah RM0.97 juta.
- Ketidapatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat antaranya berkaitan bayaran dividen dan tunggakan wang jaminan/*guaranteed payment* bagi tempoh 2009 dan 2010 yang berjumlah RM20 juta.

3.3. Bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, pihak SAINS hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Meningkatkan pemantauan terhadap Projek Skim Bekalan Air Triang bagi memastikan ia dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan aktiviti kecurian air bagi mengelak syarikat mengalami kerugian hasil daripada pengeluaran air terawat.

3.3.2. Mengambil tindakan berterusan untuk mendapatkan tunggakan ganti rugi kehilangan air berjumlah RM0.44 juta bagi mengelak menjadi hutang lapuk.

3.3.3. Mengambil usaha untuk membuat bayaran terhadap tunggakan wang jaminan kepada Kerajaan Negeri dengan membuat bayaran balik secara berjadual.

3.3.4. Memastikan peraturan berkaitan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pengurusan kewangan sentiasa dipatuhi.

4. YAYASAN NEGERI SEMBILAN **- Ganda Akademik Sdn. Bhd.**

4.1. Ganda Akademik Sdn. Bhd. (GASB) merupakan sebuah syarikat milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (Yayasan) dengan modal dibenarkan dan berbayar masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM3.55 juta. GASB menjalankan aktiviti pendidikan melalui penubuhan 2 buah pusat pengajian iaitu Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan (ITYNS) dan Sekolah Perhotelan Dan Pelancongan Negeri Sembilan (SPPNS). Visi GASB adalah komited dalam menyediakan latihan kemahiran terutama kepada masyarakat umum khususnya lepasan pelajar sekolah menengah, pekerja dan bakal pekerja supaya berketerampilan, berkemahiran, cemerlang dan terbilang. Misi GASB pula adalah agar institusi-institusi di bawah GASB menjadi institusi kemahiran yang dikenali di Malaysia.

4.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga April 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kedudukan kewangan GASB adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian bersih sejumlah RM0.32 juta pada tahun 2011 berbanding keuntungan pada tahun 2009 dan 2010. Manakala terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan pengurusan tadbir urus korporat seperti di bawah:

- Penurunan bilangan pelajar yang ketara pada tahun 2011.
- Pengurangan peratusan pelajar yang lulus.
- Tunggakan sewa yang semakin meningkat.
- Ketidapatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat antaranya Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan mengikut ketetapan, rancangan korporat tidak disediakan, pembayaran dividen tidak dibuat dan kelemahan dalam pengurusan aset.

4.3. Pihak Audit mengesyorkan GASB mengambil tindakan terhadap perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat:

4.3.1. GASB perlu meningkatkan usaha menarik lebih ramai pelajar untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan selain menambah dan mempelbagaikan lagi kursus yang boleh menarik minat pelajar mengikuti pengajian di pusat pengajian yang disediakan.

4.3.2. GASB perlu mengadakan perbincangan dengan Yayasan bagi mencari kaedah penyelesaian terbaik berkenaan tunggakan sewa. Manakala sewa bulanan semasa perlu dijelaskan secara berkala setiap bulan bagi mengelakkan tunggakan sewa terus meningkat dan membebankan kewangan GASB.

4.3.3. Memastikan pembelian aset dirancang dengan baik bagi mengelakkan pembelian yang berlebihan dan mengakibatkan pembaziran.

4.3.4. Memastikan peraturan berkaitan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pengurusan kewangan sentiasa dipatuhi.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

Bagi tujuan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri 1 pada tahun 2013, sebanyak 2 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat yang telah diaudit akan dilaporkan dalam Laporan ini. Dua aktiviti tersebut adalah Pengurusan Bantuan Am dan Pengurusan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan Dan Ladang Rakyat serta pengurusan syarikat subsidiari Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. dan Ganda Akademik Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan dalam Laporan ini.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN

2. PENGURUSAN BANTUAN AM

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan (Jabatan) berperanan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat agar pembangunan Kerajaan Negeri dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat. Sehubungan itu, salah satu langkah yang diambil adalah dengan memberi bantuan kewangan kepada golongan yang memerlukan iaitu melalui Skim Bantuan Am. Bantuan Am bulanan diberikan kepada individu atau keluarga yang tidak berkemampuan bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan mereka. Bantuan ini boleh diberikan bagi satu tempoh masa tertentu sehingga mereka yang menerimanya boleh berdikari. Penerima bantuan ini terdiri daripada pesakit mental/jiwa, pendapatan tidak tetap tetapi di bawah kadar kemiskinan, masalah kesihatan yang kronik, anak yatim dan sebagainya yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Kadar Bantuan Am Negeri yang ditetapkan di Negeri Sembilan adalah antara RM100 hingga RM200 sebulan dan tambahan sebanyak 33.3% melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sehingga bulan Jun 2012, jumlah penerima bantuan ini bagi seluruh Negeri Sembilan adalah seramai 6,622 orang.

2.1.2. Bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Jun 2012, Jabatan menerima peruntukan sejumlah RM26.98 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM12.42 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Jumlah perbelanjaan Bantuan Am berbanding peruntukan bagi tempoh tahun 2010 hingga Jun 2012 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Bantuan Am Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2012

Tahun	Negeri		Persekutuan	
	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
2010	8.75	8.37	3.67	2.35
2011	9.31	8.94	3.25	3.25
Jun 2012	8.92	5.49	5.5	2.02
Jumlah	26.98	22.8	12.42	7.62

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Bantuan Am telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi aspek Pengurusan Bantuan Am bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan dan di 3 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu Seremban, Kuala Pilah dan Port Dickson. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen berkaitan pengurusan bantuan dari proses permohonan hingga pembayaran. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan Jabatan serta penerima bantuan juga dilaksanakan. Lawatan Audit ke pusat pembayaran setempat dan rumah penerima bantuan turut diadakan bagi pengesahan maklumat.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2012 mendapati secara keseluruhannya Pengurusan Bantuan Am adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan daripada aspek pengurusan Bantuan Am seperti berikut:

- Pembayaran dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia.
- Ciri-ciri keselamatan semasa sesi agihan wang tunai adalah longgar.
- Tidak ada perakuan oleh pegawai pembayar dan saksi pada Penyata Bayaran.
- Pengesahan kemasukan ke akaun bank penerima tidak dibuat.
- Kelewatan menjalankan siasatan terhadap permohonan bantuan.
- Kelewatan meluluskan permohonan bantuan.
- Kelewatan memaklumkan keputusan permohonan bantuan.
- Kajian semula kes tidak dijalankan mengikut peraturan.

2.4.1. Penerima Bantuan

Bantuan Am diagihkan kepada penerima yang layak setelah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Sebagai rekod, JKM telah menyelenggarakan senarai nama bagi semua penerima Bantuan Am di Negeri Sembilan. Semakan Audit terhadap senarai tersebut bagi bulan Mei 2012 mendapati perkara berikut:

2.4.1.1. Penerima Telah Meninggal Dunia

- a. Pada bulan Mei 2012, seramai 3,819 orang penerima telah menerima Bantuan Am secara tunai dan bank bagi PKMD Seremban, Kuala Pilah dan Port Dickson. Berdasarkan senarai penerima bantuan yang disediakan, pengesahan (melalui nombor kad pengenalan) telah dibuat dengan Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan (JPNNS) sebagai pengesahan kesahihan atau kewujudan penerima bantuan. Maklum balas yang diterima daripada JPNNS mendapati seramai 40 orang penerima telah meninggal dunia tetapi nama mereka masih lagi tersenarai dalam senarai penerima bantuan. Jumlah tersebut melibatkan seramai 26 orang penerima bantuan di Seremban, 11 orang penerima bantuan di Kuala Pilah dan 3 orang penerima bantuan di Port Dickson. Semakan lanjut mendapati ada antara penerima tersebut telah meninggal dunia sejak tahun 2008. Butiran lanjut penerima bantuan yang telah meninggal dunia mengikut daerah dan tahun adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Penerima Bantuan Am Yang Telah Meninggal Dunia Tetapi Masih Diberi Bantuan

Bil.	Daerah	Jumlah Kes/Tahun Terlibat					Jumlah Kes
		2008	2009	2010	2011	2012	
1.	Seremban	-	1	3	6	16	26
2.	Kuala Pilah	2	-	1	1	7	11
3.	Port Dickson	-	-	-	1	2	3
Jumlah		2	1	4	8	25	40

Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sembilan

- b. Berdasarkan kepada pengiraan Audit, didapati sejumlah RM45,350 telah dibayar kepada 15 orang penerima yang telah meninggal dunia tidak termasuk 25 penerima yang telah meninggal dunia pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 kes melibatkan wang berjumlah RM23,070 berlaku di PKMD Seremban, 4 kes melibatkan wang berjumlah RM19,040 di PKMD Kuala Pilah dan satu kes di PKMD Port Dickson melibatkan wang berjumlah RM3,240. Pengiraan yang dibuat bermula dari bulan pertama penerima meninggal dunia sehingga bulan Mei 2012. Pengiraan adalah dengan mengambil kira wang bantuan Kerajaan Negeri dan juga bantuan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan. Penerima yang telah meninggal dunia pada tahun 2012 tidak diambil kira kerana ada di antaranya baru meninggal dunia dan belum dimaklumkan kepada PKMD. Semakan lanjut mendapati ada antara wang bantuan terlibat telah diagihkan melalui serahan kepada wakil penerima.

2.4.1.2. Maklumat Kad Pengenalan Penerima Tidak Tepat

Semakan di JPNNS terhadap senarai penerima bantuan bagi bayaran bulan Mei 2012 mendapati sebanyak 154 kes iaitu 54 kes di Seremban, 61 kes di Kuala Pilah dan 39 kes di Port Dickson yang mana nombor kad pengenalan yang dicatat pada senarai tersebut tiada dalam pangkalan data JPNNS. Ini menyebabkan bayaran yang dibuat boleh diragui kesahihan penerima bantuan.

2.4.1.3. Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 19 Oktober 2012, Jabatan telah mengambil tindakan untuk mendapatkan semula jumlah bayaran yang telah dibayar kepada penerima yang meninggal dunia. Semua kes di PKMD Kuala Pilah berjumlah RM19,040 berjaya dikutip semula. Satu kes di Port Dickson yang melibatkan sejumlah RM3,240 belum berjaya dikutip semula. Manakala bagi PKMD Seremban, sejumlah RM9,240 telah berjaya dikutip semula dan RM13,830 belum berjaya dikutip semula. Bagaimanapun, waris kepada 4 penerima telah bersetuju untuk membuat bayaran balik secara ansuran melibatkan sejumlah RM8,150. Manakala sejumlah RM5,680 yang melibatkan 2 kes tidak dapat dikesan. PKMD hendaklah melakukan semakan dengan JPNNS terhadap nombor kad pengenalan penerima bantuan yang tidak wujud bagi mengesahkan ia adalah sama dengan penerima bantuan sedia ada.

Pada pendapat Audit, pengurusan maklumat penerima bantuan adalah kurang memuaskan kerana terdapat bayaran bantuan kepada penerima yang telah meninggal dunia dan maklumat penerima bantuan yang tidak tepat.

2.4.2. Kaedah Pengagihan Bantuan

Pengagihan wang Bantuan Am dibuat melalui 2 cara iaitu bayaran secara tunai dan melalui bank. Semakan Audit terhadap pengagihan wang Bantuan Am mendapati perkara seperti berikut:

2.4.2.1. Ciri-Ciri Keselamatan Semasa Sesi Agihan Wang Tunai Adalah Longgar

- a. Pengagihan Bantuan Am secara tunai dilaksanakan melalui 3 cara iaitu bayaran melalui kaunter di PKMD, bayaran berpusat dan serahan ke rumah penerima bantuan. Bagi bayaran melalui kaunter, penerima boleh mengambil wang bantuan di kaunter PKMD masing-masing mengikut hari dan masa yang ditetapkan. Manakala bayaran berpusat dilakukan di pusat pembayaran setempat yang akan ditetapkan oleh PKMD seperti di Balai Penghulu, Pusat Khidmat Masyarakat dan Dewan Orang Ramai. Pengagihan ke rumah penerima bantuan dilakukan dalam keadaan di mana penerima menghadapi masalah kesihatan atau uzur.

- b. Mengikut Arahan Perbendaharaan 137, Jabatan perlu menjaga dengan selamat wang tunai dalam perjalanan dan jika difikirkan perlu boleh mengambil eskot Polis atau syarikat keselamatan swasta. Pada 29 dan 30 Mei 2012, pihak Audit telah mengikuti proses pengagihan wang Bantuan Am secara tunai di Daerah Seremban, Kuala Pilah dan Port Dickson. Pemerhatian Audit mendapati tidak ada khidmat pengiring disediakan bagi pengagihan wang bantuan di Dewan Orang Ramai Lenggeng, Seremban yang berjumlah RM75,990. Manakala bagi pengagihan wang bantuan di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Chuah, Port Dickson dan Balai Raya Seri Pandan, Kuala Pilah perkhidmatan pengiring (Polis) ada disediakan seperti di **Gambar 2.1**.



Gambar 2.1
Pegawai Polis Bersama Pegawai Pembayar
Di Pusat Pembayaran Setempat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Balai Raya Seri Pandan, Juasseh,
Kuala Pilah
Tarikh: 30 Mei 2012

- c. Selain itu, semua wang bantuan yang dibawa ke Dewan Orang Ramai Lenggeng, Seremban tidak disimpan dengan selamat oleh pegawai PKMD. Pemerhatian Audit mendapati wang tunai berkenaan hanya disimpan dalam fail yang kemudiannya diletakkan dalam beg galas seperti di **Gambar 2.2** dan **Gambar 2.3**. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 19 Oktober 2012, Jabatan telah mengarahkan semua PKMD supaya memberi perhatian kepada ciri-ciri keselamatan semasa sesi agihan wang tunai kepada penerima bantuan.**

Gambar 2.2
Wang Bantuan Disimpan Dalam Fail



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PKMD Seremban
Tarikh: 29 Mei 2012

Gambar 2.3
Wang Bantuan Dibawa Dengan Beg Galas




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: PKMD Seremban
Tarikh: 29 Mei 2012

2.4.2.2. Tiada Perakuan Oleh Pegawai Pembayar Dan Saksi


- a. Prosedur Kualiti JKM Utama 17 menetapkan bahawa pemberian bantuan secara tunai memerlukan suatu bukti yang boleh diterima oleh pembayar, penerima dan saksi bagi mengakui bahawa sejumlah wang tertentu telah pun dibayar dan diterima. Tanda akuan penerimaan wang boleh diterima dalam bentuk tandatangan ataupun cap ibu jari tangan dan perlu diturunkan di Penyata Bayaran. Bagi mereka yang tiada tangan, gunakan tanda yang bersesuaian.
- b. Lawatan Audit ke Dewan Orang Ramai Lenggeng, Seremban mendapati tiada tandatangan saksi diturunkan oleh pegawai PKMD Seremban semasa urusan pembayaran dibuat. Manakala, pemerhatian Audit terhadap urusan pembayaran di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Chuah, Port Dickson dan Balai Raya Seri Pandan, Juasseh, Kuala Pilah pula mendapati tiada tandatangan pegawai pembayar dan saksi diturunkan oleh pegawai PKMD Port Dickson dan pegawai PKMD Kuala Pilah. Contoh dokumen yang tidak ditandatangani adalah seperti di **Gambar 2.4** dan **Gambar 2.5**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa penyata bayaran hanya ditandatangani oleh pegawai pembayar dan saksi setelah kembali ke pejabat masing-masing selepas sesi agihan. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 19 Oktober 2012, PKMD hendaklah memastikan pegawai pembayar dan saksi menurunkan tandatangan di penyata bayaran pada masa bayaran dilaksanakan sebelum menyerahkan penyata bayaran berserta baki wang yang belum dituntut kepada Unit Kewangan.**

Gambar 2.4
Tiada Tandatangan
Saksi Semasa Sesi Agihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Orang Ramai Lenggeng,
Seremban
Tarikh: 29 Mei 2012

Gambar 2.5
Tiada Tandatangan Pembayar Dan
Saksi Semasa Sesi Agihan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pusat Khidmat Masyarakat DUN Chuah,
Port Dickson
Tarikh: 29 Mei 2012

2.4.2.3. Pengesahan Kemasukan Bantuan Ke Akaun Bank Penerima Tidak Dibuat

- a. Pengagihan Bantuan Am melalui bank dilakukan melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Agro. Bagi PKMD Seremban dan Port Dickson, pengagihan bantuan

dilakukan melalui kedua-dua bank berkenaan manakala pengagihan di PKMD Kuala Pilah dibuat melalui Bank Agro. Pengagihan bantuan melalui bank pada bulan Mei 2012 bagi Daerah Seremban, Kuala Pilah dan Port Dickson adalah berjumlah RM302,610 melibatkan seramai 2,099 orang penerima berbanding 2,049 orang penerima dengan bantuan sejumlah RM288,710 pada bulan April 2012.

- b. Semakan Audit mendapati pengesahan kemasukan bantuan ke akaun bank penerima hanya dapat dilakukan bagi BSN Port Dickson kerana PKMD Port Dickson dapat mengemukakan penyata bank untuk semakan Audit. Manakala pengesahan Audit terhadap kemasukan ke akaun bank penerima tidak dapat dilakukan bagi BSN Seremban serta Bank Agro Seremban, Port Dickson dan Kuala Pilah. Ini disebabkan tahap capaian untuk mengakses ke sistem bank berkenaan di semua PKMD masih di tahap yang rendah. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan tarikh sebenar pengagihan dibuat dan sama ada ia dibuat dalam tempoh yang ditetapkan serta telah dimasukkan ke akaun penerima. **Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 19 Oktober 2012, Jabatan dalam usaha meningkatkan pencapaian untuk mengakses sistem tersebut bagi bank yang berkaitan.**

Pada pendapat Audit, pengagihan wang bantuan adalah kurang memuaskan kerana ciri keselamatan semasa agihan wang bantuan kurang dititikberatkan dan penyata bayaran tidak lengkap dengan tandatangan pegawai pembayar dan saksi. Selain itu, pengesahan kemasukan bantuan ke akaun bank penerima tidak dilaksanakan.

2.4.3. Prestasi Pemprosesan Permohonan Bantuan

Setiap permohonan yang diterima akan direkodkan di Buku Daftar Permohonan Bantuan. Siasatan awal dijalankan oleh pegawai kes untuk memastikan kelayakan pemohon dan jenis bantuan yang sesuai. Siasatan terperinci ke rumah pemohon dijalankan untuk menilai keadaan sosioekonomi dan melihat keadaan kehidupan pemohon. Hasil siasatan direkodkan dalam Borang Penyiasatan (JKM 17) berserta jumlah bantuan yang disyorkan untuk kelulusan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah. Kelulusan permohonan direkodkan ke dalam Buku Daftar Permohonan Bantuan dan fail penerima bantuan disediakan. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat. Sebanyak 280 sampel fail penerima bantuan meliputi 105 fail di PKMD Seremban, 91 fail di PKMD Port Dickson dan 84 fail di PKMD Kuala Pilah telah dipilih untuk pengauditan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

2.4.3.1. Kelewatan Menjalankan Siasatan Terhadap Permohonan

- a. Piagam Pelanggan Jabatan menetapkan bahawa setiap permohonan yang diterima hendaklah disiasat dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima. Pegawai kes akan menjalankan siasatan terperinci terhadap pemohon berkenaan. Lawatan ke rumah pemohon dibuat untuk mendapatkan maklumat mengenai latar

belakang pemohon seperti status perkahwinan, bilangan ahli keluarga, pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan, harta dan kesihatan. Seterusnya pegawai kes mengemukakan ulasan dan syor sama ada permohonan diterima atau ditolak serta jenis dan kadar bantuan yang layak untuk kelulusan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah.

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 248 daripada 280 fail lengkap dengan maklumat berkaitan tarikh permohonan dan siasatan. Semakan lanjut terhadap 248 fail tersebut mendapati sebanyak 176 permohonan lewat dijalankan siasatan melebihi tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima iaitu 60 kes di Seremban, 54 kes di Kuala Pilah dan 62 kes di Port Dickson seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Permohonan Lewat Disiasat Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Tempoh Kelewatan (Bulan)			Jumlah Fail
		1 - 3	4 - 12	> 12	
1.	Seremban	20	36	4	60
2.	Kuala Pilah	23	25	6	54
3.	Port Dickson	25	31	6	62
Jumlah		68	92	16	176

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah

- c. Berdasarkan Jadual di atas, sebanyak 16 kes permohonan lewat dijalankan siasatan melebihi 12 bulan manakala 92 kes lewat disiasat antara 4 hingga 12 bulan. Sehubungan itu, penyaluran bantuan kepada pemohon yang layak lewat dilakukan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor antaranya alamat rumah pemohon yang tidak tepat terutamanya di kawasan pendalaman dan rumah pemohon tidak berpenghuni semasa siasatan dijalankan. Selain itu, PKMD juga perlu mendapatkan maklumat tambahan dan pengesahan daripada pihak ketiga seperti daripada Doktor Pakar Perubatan atau Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung.

2.4.3.2. Kelewatan Meluluskan Permohonan

Mengikut Piagam Pelanggan Jabatan, semua permohonan bantuan hendaklah siap disiasat dalam tempoh 2 minggu dan keputusan permohonan hendaklah dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan diterima. Semakan Audit mendapati sebanyak 242 daripada 280 fail lengkap dengan maklumat berkaitan tarikh siasatan dan kelulusan. Semakan lanjut terhadap 242 fail tersebut mendapati sebanyak 55 kes permohonan lewat diluluskan iaitu melebihi daripada 2 minggu dari tarikh siasatan selesai. Kelewatan kelulusan menyebabkan pemohon yang layak lewat menerima bantuan. Kedudukan kes permohonan lewat diluluskan adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Permohonan Lewat Diluluskan Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Tempoh Kelewatan (Bulan)		Jumlah Fail
		1 - 3	4 - 12	
1.	Seremban	23	6	29
2.	Kuala Pilah	15	5	20
3.	Port Dickson	5	1	6
Jumlah		43	12	55

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah

2.4.3.3. Kelewatan Memaklumkan Keputusan Permohonan

- a. Mengikut Piagam Pelanggan Jabatan, keputusan permohonan bantuan hendaklah dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan diterima. Semakan Audit mendapati sebanyak 181 daripada 280 sampel fail permohonan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dengan tarikh keputusan dimaklumkan kepada pemohon. Semakan lanjut terhadap 181 fail permohonan tersebut mendapati sebanyak 156 kes keputusan permohonan dimaklumkan melebihi tempoh satu bulan daripada tarikh permohonan diterima seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Keputusan Permohonan Lewat Dimaklumkan Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Tempoh Kelewatan (Bulan)			Jumlah Fail
		1 - 3	4 - 12	> 12	
1.	Seremban	4	12	2	18
2.	Kuala Pilah	32	26	13	71
3.	Port Dickson	26	35	6	67
Jumlah		62	73	21	156

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah

- b. Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 21 kes permohonan lewat dimaklumkan kepada pemohon melebihi 12 bulan iaitu masing-masing 2 kes di PKMD Seremban, 13 kes di PKMD Kuala Pilah dan 6 kes di PKMD Port Dickson. Selain itu, sebanyak 73 kes kelewatan melibatkan tempoh antara 4 hingga 12 bulan dan 62 kes melibatkan tempoh kelewatan antara satu hingga 3 bulan. Kelewatan memaklumkan keputusan permohonan menyebabkan pemohon tidak mengetahui sama ada permohonan mereka diterima atau ditolak dan sebab-sebab kenapa permohonan mereka ditolak atau tidak diluluskan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kelewatan memaklumkan permohonan bantuan disebabkan oleh dokumentasi yang tidak lengkap dan siasatan lanjut perlu dibuat untuk mendapatkannya. Antara dokumen berkenaan adalah laporan kesihatan pemohon, penyata pendapatan, maklumat latar belakang yang terperinci. Selain itu, dokumen yang diminta apabila siasatan lanjut dibuat tidak diberikan dalam masa yang telah ditetapkan dan kadang kala tidak mendapat kerjasama daripada pemohon.

2.4.3.4. Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 19 Oktober 2012, kelewatan berlaku disebabkan oleh nisbah kes yang tinggi iaitu antara 300 hingga 500 kes bagi seorang pegawai kes yang merangkumi Skim Bantuan Negeri dan Persekutuan. Hanya seorang pegawai lantikan negeri bertanggungjawab terhadap kes-kes Bantuan Negeri di PKMD Kuala Pilah dan PKMD Port Dickson manakala di PKMD Seremban mempunyai 2 orang pegawai negeri. Ini bermaksud nisbah seorang pegawai kepada kes Bantuan Negeri ialah 1:1090 bagi Kuala Pilah, 1:1078 bagi Port Dickson dan 1:839 bagi Seremban. Bagaimanapun Jabatan telah mengambil tindakan antaranya dengan mengadakan 'task force', pemantauan melalui mesyuarat PKMD dan Unit Ekonomi Dan Bantuan (EB), menyediakan senarai semak dan penggunaan sistem e-Bantuan sepenuhnya. Jabatan juga telah melaksanakan pemakluman keputusan kepada penerima dengan menggunakan sistem 'SMS Bulk' secara meluas mulai bulan April 2012 kepada pemohon yang mempunyai telefon bimbit selepas kelulusan dibuat dan disusuli dengan surat kelulusan bantuan.

Pada pendapat Audit, prestasi pemprosesan permohonan bantuan adalah kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan dalam siasatan, kelulusan dan pemakluman keputusan permohonan bantuan kepada pemohon.

2.4.4. Kajian Semula Kes Tidak Mengikut Peraturan

2.4.4.1. Kajian semula kes bertujuan menilai keberkesanan bantuan untuk memastikan sama ada bantuan perlu diteruskan atau ditamatkan serta menentukan sama ada kadar bantuan masih relevan atau sebaliknya. Kajian semula kes dijalankan oleh Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat atau Pembantu Kebajikan Masyarakat. Ulasan dan syor dikemukakan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah untuk kelulusan. Mengikut Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan, kajian semula kes hendaklah dijalankan dalam tempoh 2 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan bantuan yang diberikan terdahulu. Kelulusan kajian semula kes adalah dalam tempoh 14 hari daripada tarikh kajian semula selesai dijalankan. Semakan Audit mendapati sebanyak 224 daripada 280 fail perlu dijalankan kajian semula. Daripada 224 fail tersebut, sebanyak 72 fail lewat dijalankan kajian semula seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Kajian Semula Kes Lewat Dijalankan Mengikut Daerah

Bil.	Daerah	Tempoh Kelewatan (Bulan)			Jumlah Fail
		1 - 3	4 - 12	> 12	
1.	Seremban	1	25	42	68
2.	Kuala Pilah	3	1	0	4
Jumlah		4	26	42	72

Sumber: Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah

2.4.4.2. Merujuk kepada jadual di atas, sebanyak 42 kes kelewatan menjalankan kajian semula melebihi 12 bulan dan 25 kes kelewatan antara 4 hingga 12 bulan berlaku di

PKMD Seremban. Manakala tidak ada kes kelewatan di Daerah Port Dickson. Kelewatan menjalankan kajian semula akan menyebabkan Jabatan tidak dapat menilai status penerima bantuan sama ada masih layak menerima bantuan atau tidak. Keadaan ini juga menyumbang kepada berlakunya kes bayaran bantuan kepada penerima yang telah meninggal dunia.

2.4.4.3. Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 19 Oktober 2012, Jabatan telah mengambil tindakan dengan mengadakan naziran Bahagian Ekonomi Dan Bantuan (EB) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan ke semua PKMD di seluruh Negeri Sembilan, pemantauan melalui mesyuarat kakitangan di PKMD, menyediakan senarai semak dan menggunakan Sistem e-Bantuan sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, proses kajian semula kes kurang memuaskan kerana berlaku kelewatan menjalankan kajian semula kes.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan tahap pengurusan Bantuan Am, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Menjalinkan kerjasama dengan pihak ketiga seperti Jabatan Pendaftaran Negara bagi pengesahan maklumat peribadi penerima bantuan. Selain itu, Jabatan juga boleh menggunakan khidmat Penghulu di Pejabat Daerah Dan Tanah dalam membantu untuk mendapatkan maklumat penerima atau pemohon bantuan.

2.5.2. Memastikan langkah keselamatan terhadap pegawai dan wang tunai dalam proses pengagihan wang bantuan di luar pejabat seperti dengan mendapatkan perkhidmatan pengiring.

2.5.3. Menggalakkan penerima bantuan untuk membuka akaun bank supaya bayaran melalui bank dapat dilaksanakan dengan lebih meluas. Kaedah ini dapat meringankan tugas pegawai di PKMD selain keselamatan wang bantuan lebih terjamin.

2.5.4. Memastikan pegawai pembayar dan saksi melengkapkan penyata bayaran dengan menurunkan tandatangan semasa membuat bayaran.

2.5.5. Memastikan pihak bank yang berkenaan mengemukakan penyata bank pada setiap bulan untuk dibuat semakan terhadap kemasukan wang bantuan ke akaun penerima.

2.5.6. Memastikan proses permohonan bantuan dan kajian semula mematuhi peraturan yang ditetapkan dan Piagam Pelanggan Jabatan.

JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN

3. PENGURUSAN PROJEK TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN DAN LADANG RAKYAT

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Penubuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) merupakan satu inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi dalam meningkatkan pengeluaran makanan di dalam negara. Pembangunan TKPM melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi mewartakan tanah yang telah dikenal pasti sesuai untuk dibangunkan. Antara objektif pembangunan TKPM adalah bagi mewujudkan zon kekal bagi pengeluaran tanaman makanan, menggalakkan pembangunan rantaian bekalan makanan bersepadu dan menyasarkan pendapatan bersih peserta sejumlah RM3,000 sebulan.

3.1.2. Di bawah projek TKPM yang bermula pada tahun 2006, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan untuk membangunkan infrastruktur seperti penyediaan tanah, jalan ladang, bekalan elektrik dan air, sistem pengairan utama serta sistem perparitan dan saliran. Lot-lot tanah yang dibangunkan ini akan disewakan kepada usahawan pada kadar yang ditetapkan. Pembahagian kawasan adalah mengikut kemampuan peserta dan menepati keluasan yang berpotensi untuk mendapat pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Bagi tanaman sayur-sayuran, keluasan minimum 2 hektar/peserta manakala tanaman buah-buahan 5 hektar/peserta. Bagi aktiviti lain seperti menanam, membaja dan memungut hasil akan diusahakan oleh usahawan sendiri termasuk menyediakan biji benih, baja dan racun. Pegawai Pertanian Daerah bertanggungjawab menyelia semua aktiviti di ladang mengikut jadual yang telah ditetapkan dan memberi khidmat bimbingan serta nasihat.

3.1.3. Manakala Ladang Rakyat adalah projek Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (Jabatan) yang menyerupai TKPM dengan matlamat antaranya untuk mewujudkan kawasan kekal bagi pengeluaran hasil sayur-sayuran untuk keperluan rakyat Negeri Sembilan, menggalakkan orang ramai terutamanya pengusaha sedia ada dan graduan menganggur menjadi usahawan tani yang berjaya, menyasarkan untuk melahirkan usahawan yang berupaya memperoleh pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan meningkatkan pengeluaran bahan makanan dalam negeri.

3.1.4. Di Negeri Sembilan, projek TKPM dan Ladang Rakyat telah dilaksanakan mulai pada tahun 2006. Jabatan berperanan sebagai pemilik projek dan bertanggungjawab terhadap pengurusan kedua-dua projek berkenaan. Sehingga bulan Jun 2012, sebanyak 5 TKPM dan 4 Ladang Rakyat telah dibangunkan di Negeri Sembilan dengan keluasan masing-masing 258.37 hektar dan 42.80 hektar. Jumlah peserta yang menyertai projek

TKPM dan Ladang Rakyat masing-masing adalah seramai 67 dan 23 orang peserta. Maklumat keluasan dan peserta bagi projek TKPM dan Ladang Rakyat sehingga Jun 2012 adalah seperti di **Jadual 3.1** dan **Jadual 3.2**.

Jadual 3.1
Maklumat TKPM Di Negeri Sembilan Hingga Jun 2012

Bil.	Projek TKPM	Daerah	Keluasan (Hektar)	Bil. Peserta (Orang)
1.	Air Baling	Jelevu	28.95	14
2.	Bemban	Jelevu	75.42	22
3.	Air Kering	Jempol	32.00	12
4.	Sendayan	Seremban	2.00	1
5.	Gemas	Tampin	120.00	18
Jumlah			258.37	67

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

Jadual 3.2
Maklumat Ladang Rakyat Di Negeri Sembilan Hingga Jun 2012

Bil.	Projek Ladang Rakyat	Daerah	Keluasan (Hektar)	Bil. Peserta (Orang)
1.	Kg. Selaru	Kuala Pilah	17.30	10
2.	Kg. Sri Parit	Port Dickson	11.50	6
3.	Sendayan	Seremban	4.00	2
4.	Sg. Dua	Tampin	10.00	5
Jumlah			42.80	23

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

3.1.5. Bagi tempoh tahun 2010 hingga Jun 2012, peruntukan berjumlah RM5.33 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek TKPM. Manakala sejumlah RM3.08 juta (57.8%) telah dibelanjakan hingga Jun 2012. Butiran lanjut agihan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek TKPM Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2012

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%)
2010	0.98	0.98	100
2011	1.31	1.31	100
Sehingga Jun 2012	3.04	0.79	26
Jumlah	5.33	3.08	57.8

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

3.1.6. Manakala Kerajaan Negeri bagi tempoh yang sama telah memperuntukkan sejumlah RM0.55 juta bagi melaksanakan Projek Ladang Rakyat. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM0.39 juta (70.9%) telah dibelanjakan oleh Jabatan hingga Jun 2012. Butiran lanjut agihan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek Ladang Rakyat
Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2012

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%)
2010	0.15	0.15	100
2011	0.20	0.20	100
Jun 2012	0.20	0.04	20
Jumlah	0.55	0.39	70.9

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan Ladang Rakyat telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan projek TKPM dan Ladang Rakyat bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan di Jabatan Pertanian Negeri Sembilan dan di 4 Pejabat Pertanian Daerah iaitu Jelebu, Jempol, Port Dickson dan Tampin yang meliputi 4 projek TKPM dan 2 Ladang Rakyat. Projek TKPM yang terlibat adalah TKPM Air Bening dan Bemban di Jelebu, TKPM Air Kering di Jempol dan TKPM Gemas di Tampin. Manakala bagi projek Ladang Rakyat ialah Ladang Rakyat Kg. Sri Parit di Port Dickson dan Ladang Rakyat Sg. Dua di Tampin. Pengauditan dijalankan melalui semakan terhadap rekod dan dokumen serta analisis terhadap maklumat berkaitan projek. Selain itu, temu bual dengan pegawai Jabatan dan edaran soal selidik kepada peserta turut dijalankan termasuk lawatan ke kawasan projek TKPM dan Ladang Rakyat.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di antara bulan Mac hingga Jun 2012 mendapati pada keseluruhannya pengurusan projek TKPM dan Ladang Rakyat di Negeri Sembilan adalah memuaskan tetapi terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi pengeluaran hasil tanaman tidak mencapai sasaran.
- Prestasi pendapatan peserta tidak mencapai sasaran.
- Tunggakan bayaran sewa pajakan tahunan.
- Plot tanaman belum diagih dan terbiar.

3.4.1. Prestasi Pengeluaran Hasil Tanaman Tidak Mencapai Sasaran

Projek TKPM diusahakan dengan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran manakala Ladang Rakyat pula hanya diusahakan dengan tanaman sayur-sayuran. Antara sayur-sayuran yang dihasilkan adalah terung, bendi, kacang panjang, timun, cili, kangkung, bayam dan petola. Manakala jenis buah-buahan pula adalah seperti nangka, pisang, durian belanda dan *rock melon*. Semakan Audit terhadap prestasi pengeluaran hasil projek TKPM dan Ladang Rakyat mendapati perkara seperti berikut:

3.4.1.1. Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan

- a. Jabatan telah menetapkan sasaran kuantiti pengeluaran yang perlu dicapai oleh setiap TKPM pada setiap tahun. Bagi tahun 2010 hingga 2012, sasaran yang ditetapkan bagi 4 TKPM adalah antara 1,500 hingga 3,185 tan metrik (mt). Semakan Audit terhadap rekod Laporan Kemajuan TKPM mendapati kuantiti hasil pengeluaran oleh peserta bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Jun 2012 adalah seperti di **Jadual 3.5** dan **Carta 3.1**.

Jadual 3.5
Prestasi Hasil Pengeluaran TKPM Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2012

Bil.	Projek TKPM	2010		2011		Sehingga Jun 2012	
		Kuantiti (mt)		Kuantiti (mt)		Kuantiti (mt)	
		Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
1.	Air Baniang	780	894	500	352	500	163
2.	Bemban	200	86	400	755	780	201
3.	Air Kering	36	97	1,300	215	100	145
4.	Gemas	876	31	985	98	120	97
Jumlah		1,892	1,108	3,185	1,420	1,500	606

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan


Nota: mt – metrik tan



Tidak Capai Sasaran



Belum Capai Sasaran



Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

- b. Secara keseluruhannya, pencapaian hasil pengeluaran pertanian bagi tahun 2010 dan 2011 masing-masing berjumlah 1,108 dan 1,420 tan metrik tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 1,892 dan 3,185 tan metrik. Bagaimanapun hasil pengeluaran pertanian di TKPM Air Bening dan Air Kering bagi tahun 2010 serta TKPM Bemban bagi tahun 2011 telah mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan.

3.4.1.2. Projek Ladang Rakyat

- a. Jabatan telah menetapkan sasaran kuantiti hasil pengeluaran Projek Ladang Rakyat Kg. Sri Parit sebanyak 100,000 kilogram (Kg) setiap tahun bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, tidak ada sasaran ditetapkan bagi Projek Ladang Rakyat Sg. Dua. Maklum balas daripada Jabatan semasa *exit conference* pada 9 November 2012 menyatakan bahawa sasaran tidak ditetapkan kerana tiada peserta yang mampu mengusahakan kawasan tersebut disebabkan masalah kesesuaian tanah. Semakan Audit terhadap rekod Laporan Kemajuan Ladang Rakyat mendapati hasil pengeluaran oleh peserta bagi tempoh tahun 2010 sehingga bulan Jun 2012 adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6

Prestasi Hasil Pengeluaran Ladang Rakyat Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2012

Projek Ladang Rakyat	2010		2011		Sehingga Jun 2012	
	Kuantiti (Kg)		Kuantiti (Kg)		Kuantiti (Kg)	
	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian	Sasaran	Pencapaian
Kg. Sri Parit	100,000	TB	100,000	125,410	100,000	74,320
Sg. Dua	0	40,000	0	0	0	0
Jumlah	100,000	40,000	100,000	125,410	100,000	74,320

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

Nota: TB - Tidak Berkenaan

- b. Berdasarkan jadual di atas, hasil pengeluaran pertanian di Ladang Rakyat Kg. Sri Parit bagi tahun 2011 sebanyak 125,410 kilogram melebihi sasaran pengeluaran yang ditetapkan iaitu 100,000 kilogram. Pengeluaran hasil sehingga Jun 2012 adalah sebanyak 74,320 kilogram atau 74.3% daripada sasaran yang ditetapkan. Manakala bagi tahun 2010, tiada hasil pengeluaran tanaman disebabkan projek tersebut baru bermula pada bulan Julai 2010. Walaupun tidak ada sasaran ditetapkan bagi Ladang Rakyat Sg. Dua, sebanyak 40,000 kilogram sayuran telah dapat dihasilkan pada tahun 2010 berbanding tiada hasil pada tahun 2011 dan sehingga Jun 2012. Sehingga Jun 2012, hanya satu daripada 5 plot tanaman di Ladang Rakyat Sg. Dua diusahakan manakala 4 plot tanaman lagi belum diagihkan kepada peserta.

3.4.1.3. Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012, hasil pengeluaran projek TKPM dan Ladang Rakyat tidak dapat dicapai disebabkan antaranya tanaman utama yang ditanam belum mengeluarkan hasil. Tanaman sayur-sayuran mengeluarkan hasil dalam tempoh satu hingga 3 bulan. Manakala tanaman buah-buahan mengambil masa sehingga 4 tahun. Selain itu, disebabkan

tahap kesuburan tanah yang berbeza, peserta tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya dan diganti peserta baru, kesukaran mendapat pekerja asing serta masalah pekerja lari disebabkan tawaran gaji yang tinggi di sektor lain. Jabatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kesuburan tanah di projek TKPM tersebut tetapi ia mengambil masa dan memerlukan kos tambahan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi pengeluaran hasil tanaman projek TKPM dan Ladang Rakyat adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran hasil pertanian yang ditetapkan oleh Jabatan. Walaupun begitu, kuantiti pengeluaran hasil pertanian secara keseluruhannya meningkat pada tahun 2011 berbanding 2010.

3.4.2. Prestasi Pendapatan Peserta Tidak Mencapai Sasaran

Pencapaian sasaran pendapatan peserta merupakan antara objektif pembangunan projek TKPM dan Ladang Rakyat iaitu menyasarkan pendapatan bersih setiap peserta sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Semakan Audit terhadap prestasi pendapatan peserta mendapati perkara seperti berikut:

3.4.2.1. Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan

- a. Semakan Audit terhadap Laporan Hasil Pengeluaran bagi tempoh tahun 2010 hingga Jun 2012 yang dikeluarkan oleh Jabatan melalui sistem *Agris Geoportal* adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Prestasi Pendapatan Peserta Projek TKPM Bagi Tahun 2010 Hingga Jun 2012

Tahun	Bilangan Peserta	Pendapatan Peserta					
		Melebihi RM3,000		Kurang RM3,000		Belum Berhasil	
		(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)
2010	64	12	18.8	17	26.6	35	54.7
2011	66	17	25.8	31	47.0	18	27.3
Sehingga Jun 2012	66	14	21.2	37	56.1	15	22.7

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

- b. Analisis Audit terhadap prestasi pendapatan peserta bagi tahun 2010 mendapati seramai 12 daripada 64 peserta telah memperoleh purata pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan dan 17 peserta memperoleh pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Selain itu, projek yang diusahakan oleh 35 peserta masih belum mengeluarkan hasil daripada tanaman yang diusahakan. Bagi tahun 2011, seramai 17 daripada 66 peserta telah memperoleh purata pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan manakala 31 peserta tidak mencapai sasaran pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Analisis Audit juga mendapati projek tanaman bagi 18 peserta masih belum mengeluarkan hasil. Sehingga bulan Jun

2012, analisis Audit mendapati daripada 66 orang bilangan peserta, seramai 14 peserta memperoleh pendapatan melebihi RM3,000 sebulan, 37 peserta memperoleh pendapatan kurang RM3,000 sebulan dan 15 peserta masih belum memperoleh hasil daripada tanaman yang diusahakan.

3.4.2.2. Projek Ladang Rakyat

- a. Semakan Audit terhadap Laporan Hasil Pengeluaran bagi tempoh tahun 2010 hingga bulan Jun 2012 yang dikeluarkan oleh Jabatan melalui sistem *Agris Geoportal* adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Prestasi Pendapatan Peserta Projek Ladang Rakyat Bagi
Tahun 2010 Hingga Jun 2012

Tahun	Bilangan Peserta	Pendapatan Peserta					
		Melebihi RM3,000		Kurang RM3,000		Belum Berhasil	
		(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)
2010	5	-	-	3	60.0	2	40.0
2011	11	-	-	6	54.6	5	45.5
Sehingga Jun 2012	11	-	-	6	54.6	5	45.5

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

- b. Analisis Audit terhadap prestasi pendapatan peserta bagi tahun 2010 dan 2011 mendapati kesemua peserta tidak memperoleh purata pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan. Bagi tahun 2010, seramai 3 peserta memperoleh pendapatan bersih kurang RM3,000 sebulan dan 2 peserta masih belum memperoleh hasil daripada tanaman yang diusahakan. Bagi tahun 2011 dan hingga Jun 2012, seramai 6 daripada 11 peserta memperoleh purata pendapatan bersih kurang RM3,000 sebulan manakala seramai 5 peserta masih belum memperoleh hasil daripada tanaman yang diusahakan.
- c. Pihak Audit dimaklumkan bahawa peserta projek TKPM dan Ladang Rakyat tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi seperti penyakit tanaman, musuh tanaman seperti kera dan babi, sistem pengairan dan kesesuaian tanah. Selain itu, peserta juga menghadapi masalah kekurangan modal pusingan dan sukar mendapatkan tenaga kerja sama ada warga tempatan atau asing menyebabkan peserta tidak dapat mengusahakan lot tanah secara optimum. Sikap peserta yang tidak memberi komitmen sepenuhnya juga merupakan faktor kepada sasaran pendapatan tidak tercapai. Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik yang diterima daripada peserta mendapati pemasaran hasil pertanian dilakukan sendiri oleh peserta dengan cara menjual secara terus kepada pemborong atau secara runcit. Keadaan ini juga menyumbang kepada faktor kegagalan peserta mencapai sasaran pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan.

3.4.2.3. Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012, prestasi pendapatan peserta belum mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan kerana beberapa masalah yang dihadapi oleh peserta. Antara masalah tersebut adalah pusingan modal, harga input tinggi dan tidak tetap serta kesukaran untuk memasarkan hasil pertanian kerana perlu bersaing dengan petani lain.

Pada pendapat Audit, prestasi pendapatan peserta adalah kurang memuaskan kerana bilangan peserta yang mencapai sasaran pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan masih rendah.

3.4.3. Tunggakan Bayaran Sewa Pajak Tahunan

3.4.3.1. Berdasarkan Fasal 2.1, Perjanjian Pajak, sewa pajak tahunan hendaklah dijelaskan pada atau sebelum tamat tempoh 12 bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani dengan kadar RM250 sehektar. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan sewa pajak bagi 4 projek TKPM yang diaudit bagi tahun 2010 hingga Oktober 2012 adalah berjumlah RM23,914 atau 15.5% daripada jumlah yang patut dikutip iaitu RM153,915. Sementara itu, jumlah tunggakan sewa pajak bagi 2 projek Ladang Rakyat yang diaudit bagi tahun 2010 hingga Oktober 2012 adalah berjumlah RM2,063 atau 15.4% daripada jumlah yang patut dikutip iaitu RM13,389. Maklumat kutipan dan tunggakan sewa adalah seperti di **Jadual 3.9** dan **Jadual 3.10**.

Jadual 3.9
Kutipan Dan Tunggakan Sewa TKPM Bagi Tahun 2010 Hingga Oktober 2012

Tahun	Projek TKPM	Sewa Patut Terima (RM)	Sewa Telah Terima (RM)	Tunggakan Sewa	
				(RM)	(%)
2010	Air Banning	4,914	4,914	-	-
	Gemas	26,250	21,750	4,500	17.1
	Bemban	3,500	1,900	1,600	45.7
Jumlah		34,664	28,564	6,100	17.6
2011	Air Banning	6,914	6,414	500	7.2
	Gemas	30,000	29,956	44	0.1
	Bemban	19,299	18,199	1,100	5.7
Jumlah		56,213	54,569	1,644	2.9
Sehingga Oktober 2012	Air Kering	6,500	2,500	4,000	61.5
	Air Banning	7,239	4,739	2,500	34.5
	Gemas	30,000	28,750	1,250	4.2
	Bemban	19,299	10,879	8,420	43.6
Jumlah		63,038	46,868	16,170	25.7
Jumlah Keseluruhan		153,915	130,001	23,914	15.5

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

Jadual 3.10**Kutipan Dan Tunggakan Sewa Ladang Rakyat Bagi Tahun 2010 Hingga Oktober 2012**

Tahun	Projek Ladang Rakyat	Sewa Patut Terima (RM)	Sewa Telah Terima (RM)	Tunggakan Sewa	
				(RM)	(%)
2010	Sg. Dua	2,563	2,063	500	19.5
Jumlah		2,563	2,063	500	19.5
2011	Kg. Seri Parit	3,350	3,350	-	-
	Sg. Dua	1,563	1,563	-	-
Jumlah		4,913	4,913	-	-
Sehingga Oktober 2012	Kg. Seri Parit	3,350	3,350	-	-
	Sg. Dua	2,563	1,000	1,563	61.0
Jumlah		5,913	4,350	1,563	26.4
Jumlah Keseluruhan		13,389	11,326	2,063	15.4

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

3.4.3.2. Tunggakan sewa yang tinggi adalah disebabkan oleh sikap peserta yang lewat untuk membuat bayaran walaupun di dalam surat perjanjian telah dinyatakan tempoh sehingga setahun untuk menyelesaikan bayaran sewa pajakan. Selain itu, surat perjanjian tidak menyatakan tindakan yang akan diambil sekiranya peserta gagal menjelaskan bayaran sewa. Bagaimanapun, pihak Jabatan telah mengambil inisiatif dengan menghantar surat peringatan kepada peserta supaya menjelaskan tunggakan sewa.

3.4.3.3. Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012, prestasi kutipan sewa adalah kurang memuaskan kerana peserta menghadapi masalah pusingan modal disebabkan kenaikan harga input dan harga belian di pasaran yang tidak stabil. Peserta yang mempunyai prestasi baik dan mendapat keuntungan lebih mudah untuk membayar sewa dan sebaliknya. Jabatan telah mengambil inisiatif melalui surat-surat peringatan tuntutan bayaran sewa tahunan.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan sewa adalah kurang memuaskan kerana terdapat tunggakan sewa pajakan.

3.4.4. Plot Tanaman Belum Diagih Dan Terbiar

3.4.4.1. Merujuk kepada Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian dan Kerajaan Negeri, pembahagian tapak projek (plot) kepada individu merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri. Jabatan adalah bertanggungjawab terhadap pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan projek TPKM dan Ladang Rakyat. Sehingga Jun 2012, Kerajaan Negeri telah membangunkan sebanyak 77 plot tanaman iaitu 66 plot tanaman dengan keluasan 256.37 hektar bagi projek TKPM dan 11 plot tanaman meliputi keluasan 21.5 hektar bagi projek Ladang Rakyat. Status pengagihan plot tanaman sehingga Jun 2012 adalah seperti di **Jadual 3.11.**

Jadual 3.11**Status Plot Tanaman TKPM Dan Ladang Rakyat Sehingga Jun 2012**

Bil.	Projek TKPM / Ladang Rakyat	Daerah	Status Plot Tanaman			
			Telah Agih	Belum Agih	Terbiar	Jumlah
1.	TKPM Air Baning	Jelevu	11	-	3	14
2.	TKPM Bemban	Jelevu	20	1	1	22
3.	TKPM Air Kering	Jempol	9	3	-	12
4.	TKPM Gemas	Tampin	18	-	-	18
Jumlah TKPM			58	4	4	66
5.	Ladang Rakyat Kg. Sri Parit	Port Dickson	6	-	-	6
6.	Ladang Rakyat Sg. Dua	Tampin	1	4	-	5
Jumlah Ladang Rakyat			7	4	-	11
Jumlah Keseluruhan			65	8	4	77

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan

3.4.4.2. Berdasarkan **Jadual 3.11** di atas, sebanyak 8 plot tanaman belum diagihkan masing-masing 4 plot bagi projek TKPM dan 4 plot di Ladang Rakyat. Manakala sebanyak 4 plot tanaman bagi projek TKPM terbiar iaitu 3 plot di TKPM Air Baning dan satu plot di TKPM Bemban. Penjelasan lanjut berhubung dengan plot yang terbiar dan belum diagihkan adalah seperti di perenggan berikut:

a. TKPM Air Baning, Jelevu

TKPM Air Baning telah dibangunkan pada tahun 2006 dengan kawasan seluas 28.95 hektar. Sehingga Jun 2012, seramai 14 peserta telah diagihkan plot tanaman untuk diusahakan dengan tanaman sayur-sayuran seperti peria, terung, jagung, bendi dan cili. Lawatan Audit pada 22 Mei 2012 mendapati sebanyak 11 plot telah diusahakan dengan baik manakala 3 plot lagi iaitu Plot L, Plot M dan Plot N didapati terbiar. Berdasarkan temu bual dengan Pembantu Pertanian Kawasan, adalah dimaklumkan bahawa plot terbiar tersebut perlu direhatkan sebelum musim berikutnya bermula. Keadaan plot yang dibiarkan tersebut didapati telah ditumbuhi semak seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Plot TKPM Air Baning Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot N, TKPM Air Baning, Jelevu
Tarikh: 22 Mei 2012

Gambar 3.2
Plot TKPM Air Baning Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot L, TKPM Air Baning, Jelevu
Tarikh: 22 Mei 2012

b. TKPM Bemban, Jelebu

Pembangunan TKPM Bemban dengan keluasan 75.42 hektar dibahagi kepada 2 fasa yang melibatkan keseluruhan 22 peserta. Fasa pertama berkeluasan 18 hektar telah dibangunkan pada tahun 2009. Ia telah dibahagikan kepada 9 plot dan dikhaskan untuk tanaman sayur-sayuran. Fasa 2 pula telah dibangunkan pada tahun 2010 dengan keluasan 57.42 hektar dan telah dibahagikan kepada 13 plot untuk tujuan tanaman buah-buahan dengan keutamaan kepada tanaman buah nangka. Lawatan Audit pada 23 Mei 2012 mendapati 20 plot telah diusahakan dengan jayanya manakala satu plot di Fasa 1 iaitu Plot D didapati terbiar dan tidak diuruskan dengan baik. Berdasarkan temu bual dengan peserta, dimaklumkan bahawa peserta mengalami masalah kekurangan pekerja dan tanaman berpenyakit. Manakala Plot 10 di Fasa 2 didapati masih belum diagihkan selepas peserta terdahulu disingkirkan pada Februari 2012. Keadaan kawasan yang tidak diusahakan adalah seperti di **Gambar 3.3** manakala **Gambar 3.4** pula menunjukkan keadaan pokok terung yang dijangkiti penyakit tanaman.

Gambar 3.3
Plot TKPM Bemban Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot D, TKPM Bemban Fasa 1, Jelebu
Tarikh: 23 Mei 2012

Gambar 3.4
Tanaman Berpenyakit Di Plot TKPM Bemban



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot D, TKPM Bemban Fasa 1, Jelebu
Tarikh: 23 Mei 2012

c. TKPM Air Kering, Jempol

TKPM Air Kering telah dibangunkan pada tahun 2008 dengan keluasan 32 hektar dan telah dibahagikan kepada 12 plot. Sehingga Jun 2012 terdapat seramai 9 peserta yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran seperti kacang panjang, timun, terung dan bendi. Manakala baki 3 plot masih belum diagihkan sejak bulan Januari 2012 kerana masalah kesesuaian tanah di Plot G dan penyingkiran peserta yang tidak aktif di Plot E dan Plot K. Lawatan Audit pada 5 Jun 2012 mendapati kesemua 9 plot telah diusahakan dengan baik. Pihak Jabatan memaklumkan bahawa proses pemilihan peserta baru bagi baki 3 plot tersebut telah dijalankan dan surat tawaran akan dikeluarkan kepada peserta yang berjaya pada September 2012. **Gambar 3.5**

menunjukkan keadaan plot yang tidak diusahakan manakala **Gambar 3.6** menunjukkan keadaan tanah *gravel* yang tidak sesuai untuk tanaman sayuran.

Gambar 3.5
Plot TKPM Air Kering
Yang Belum Diagihkan Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot E, TKPM Air Kering, Jempol
Tarikh: 5 Jun 2012

Gambar 3.6
Plot TKPM Air Kering Yang Mempunyai
Masalah Kesesuaian Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot G, TKPM Air Kering, Jempol
Tarikh: 5 Jun 2012

d. Ladang Rakyat Sg. Dua, Tampin

Pembangunan Ladang Rakyat Sg. Dua telah bermula pada tahun 2006 dengan kawasan seluas 10 hektar dan telah dibahagikan kepada 5 plot bagi tujuan tanaman sayur-sayuran. Lawatan Audit pada 6 Jun 2012 mendapati hanya satu plot iaitu Plot 5 telah diusahakan. Manakala Plot 1 hingga 4 belum diagihkan selepas peserta terdahulu disingkirkan antara Januari 2009 hingga Mac 2012. Penyingkiran tersebut adalah disebabkan peserta tidak aktif akibat faktor keadaan tanah yang tidak sesuai untuk tanaman. Pihak Audit dimaklumkan oleh Jabatan bahawa untuk menambah baik struktur tanah di kawasan tersebut melibatkan kos yang tinggi. Sebagai alternatif, Jabatan merancang untuk menjalankan kaedah tanaman secara fertigasi di kawasan tersebut. Keadaan plot Ladang Rakyat yang belum diagih adalah seperti di **Gambar 3.7**. Manakala **Gambar 3.8** menunjukkan keadaan tanah yang tidak sesuai untuk tanaman sayur-sayuran.

Gambar 3.7
Plot Ladang Rakyat Sg. Dua
Yang Belum Diagih Semula



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot 4, Ladang Rakyat Sg. Dua, Tampin
Tarikh: 6 Jun 2012

Gambar 3.8
Kawasan Ladang Rakyat Sg. Dua
Yang Tidak Sesuai Untuk Tanaman



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Rakyat Sg. Dua, Tampin
Tarikh: 6 Jun 2012


3.4.4.3. Plot tanaman yang terbiar dan belum diagih adalah disebabkan oleh masalah kesesuaian tanah dan komitmen peserta. Selain itu, masalah kekurangan pekerja ladang, kebergantungan kepada pekerja warga asing dan kekurangan modal juga menyebabkan peserta tidak dapat mengusahakan plot tanaman yang diberikan.

3.4.4.4. **Berdasarkan maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012, pihak Jabatan akan terus memperkemaskan pengurusan projek TKPM dan Ladang Rakyat supaya lebih cemerlang. Semua tapak projek telah dijalankan kajian kesesuaian tanah semasa cadangan pembukaan dan pembangunan infrastruktur. Walau bagaimanapun kajian tersebut akan dibuat semula berdasarkan keperluan semasa kawasan projek.**

Pada pendapat Audit, pengurusan projek TKPM dan Ladang Rakyat adalah memuaskan namun tindakan segera perlulah diambil terhadap 8 plot tanaman yang belum diagihkan serta 4 plot tanaman yang terbiar.

3.4.5. Analisis Maklum Balas Peserta Terhadap Projek TKPM Dan Ladang Rakyat

3.4.5.1. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik kepada peserta projek TKPM dan Ladang Rakyat bagi mendapatkan maklum balas berkaitan masalah dan cabaran yang dihadapi oleh peserta. Soal selidik tersebut telah diedarkan kepada 23 peserta TKPM dan 5 peserta projek Ladang Rakyat. Analisis terhadap maklum balas mendapati antara masalah utama yang dibangkitkan oleh peserta adalah serangan penyakit tanaman, serangan musuh tanaman, kekurangan pekerja dan pemasaran hasil tanaman. Hasil analisis terhadap maklum balas tersebut adalah seperti di **Carta 3.2.**



Sumber: Jabatan Audit Negara

3.4.5.2. Berdasarkan **Carta 3.2**, masalah serangan penyakit tanaman merupakan masalah utama kepada peserta. Bagi mengatasi masalah tersebut, Jabatan telah menjalankan siasatan dan penyelidikan terhadap serangan penyakit serta mencari alternatif penyelesaian. Jabatan juga sentiasa memberi pendedahan kepada peserta dengan mengadakan kursus dan demonstrasi tentang penjagaan tanaman di ladang tersebut. Antara latihan yang dianjurkan oleh Jabatan adalah meliputi pengurusan rekod ladang, pemasaran hasil, sistem tanaman sayuran secara fertigasi terbuka dan seminar pengembangan racun perosak.

3.4.5.3. Peserta juga menghadapi masalah kekurangan pekerja untuk menguruskan tanaman. Pekerja warga tempatan kurang berminat bekerja di sektor pertanian manakala pengambilan pekerja warga asing pula melibatkan kos yang tinggi dan membebankan peserta. Jabatan juga telah mengambil tindakan memasang pagar, menggali parit, membina perangkap binatang liar dan mengadakan operasi memburu bagi mengatasi masalah musuh tanaman. Selain itu, peserta juga menghadapi lain-lain masalah antaranya kecurian hasil tanaman dan kesesuaian tanah untuk tanaman. Masalah pemasaran hasil tanaman juga membebankan peserta projek TKPM dan Ladang Rakyat kerana terpaksa memasarkan hasil tanaman sendiri disebabkan agensi yang dilantik iaitu FAMA menawarkan harga yang lebih rendah.

3.4.5.4. Soal selidik yang diedarkan juga telah mengambil kira pandangan dan pendapat peserta berkaitan dengan pelaksanaan projek TKPM dan Ladang Rakyat. Antara pendapat yang diutarakan oleh peserta adalah seperti berikut:

- a. Jabatan perlu menyediakan bekalan elektrik dan air bersih untuk menarik minat pekerja warga tempatan dan asing.

- b. Jabatan perlu menambah bantuan pam air dan kolam takungan kerana pada masa ini 3 peserta berkongsi satu pam air dan kolam takungan menyebabkan tekanan air rendah.
- c. Jabatan perlu memberi bantuan input tanaman seperti baja dan racun serta pagar bagi mengatasi masalah serangan binatang liar.
- d. Jabatan perlu menambah keluasan kawasan tanaman kepada peserta bagi meningkatkan hasil pengeluaran.
- e. Jabatan perlulah memaklumkan maklumat pasaran kerana peserta menghadapi masalah pemasaran disebabkan agensi yang dilantik iaitu FAMA menawarkan harga yang lebih rendah.

3.4.5.5. Menurut maklum balas Jabatan bertarikh 23 Oktober 2012, Jabatan akan menyediakan keperluan peserta berdasarkan siling peruntukan tahunan yang diterima. Bagaimanapun beberapa keperluan dan syor peserta tidak dapat dipenuhi iaitu bantuan input tanaman seperti baja dan racun kerana ia adalah di luar skop Jabatan. Manakala Jabatan tidak akan menambah keluasan kawasan tanaman kerana setiap kawasan telah dibahagikan berdasarkan potensi tanaman dan kemampuan peserta. Bagaimanapun Jabatan akan membantu peserta dalam mengatasi masalah seperti pembaikan, penyenggaraan infrastruktur dan pembangunan projek serta memberi khidmat nasihat.

Pada pendapat Audit, pihak Jabatan hendaklah mengambil tindakan terhadap pandangan peserta bagi memastikan kejayaan projek TKPM dan Ladang Rakyat.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan serta menambah baik pengurusan projek TKPM dan Ladang Rakyat, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Jabatan perlu memberikan latihan secara berterusan di samping memberi pendedahan kepada peserta mengenai teknologi pertanian terkini bagi meningkatkan komitmen peserta agar sasaran hasil pengeluaran dan pendapatan bersih peserta dapat dicapai.

3.5.2. Jabatan perlu menilai semula syarat perjanjian pajakan agar Jabatan mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap peserta yang gagal menjelaskan sewa pajakan.

3.5.3. Jabatan perlu membuat kajian semula kesesuaian tanah bagi setiap projek TKPM dan Ladang Rakyat terhadap plot tanaman yang terbiar atau tidak diusahakan akibat daripada keadaan tanah yang tidak sesuai.

MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DIPERBADANKAN

4. SYARIKAT AIR NEGERI SEMBILAN SDN. BHD.

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai Syarikat Sendirian Berhad di Malaysia pada 15 Mac 2007. Ia merupakan syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Sembilan menerusi Menteri Besar Negeri Sembilan Diperbadankan atau Menteri Besar Negeri Sembilan Incorporated. Modal dibenarkan dan modal berbayar bagi SAINS masing-masing adalah berjumlah RM1 juta dan RM0.63 juta.

4.1.2. SAINS telah dipertanggungjawabkan untuk mengambil alih peranan dan fungsi pengurusan sistem bekalan air di Negeri Sembilan daripada Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) mulai 1 Januari 2009. SAINS bertanggungjawab dalam memastikan bekalan air berkualiti untuk seluruh penduduk Negeri Sembilan serta penambahbaikan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada setiap pelanggan. SAINS adalah sebuah agensi berlesen yang telah menerima mandat dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di bawah Seksyen 174 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 pada 1 Januari 2009. Selaras dengan objektif SPAN, proses pengkorporatan ini telah menyusun semula industri air negara di mana beberapa perjanjian yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah dimeterai pada 31 Disember 2008 antaranya menyerahkan hak pegangan semua aset air di Negeri Sembilan kepada PAAB dengan ganjaran berjumlah RM1.2 bilion. Pihak PAAB seterusnya memajak aset berkenaan kepada Kerajaan Negeri untuk tempoh selama 45 tahun sebagaimana terma-terma yang telah dipersetujui.

4.1.3. SAINS diterajui oleh seramai 6 orang Ahli Lembaga Pengarah iaitu Pengerusi (Menteri Besar Negeri Sembilan), Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri Senaling dan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Negeri Sembilan Diperbadankan. SAINS diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 959 orang kakitangan yang berkhidmat.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan SAINS adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti, kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat di SAINS bagi tahun 2010 hingga 2012. Sementara itu, analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai SAINS dan lawatan tapak juga dilaksanakan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan SAINS adalah memuaskan. Pada tahun 2010 dan 2011, SAINS telah mencatatkan keuntungan bersih masing-masing berjumlah RM1.10 juta dan RM1.93 juta berbanding kerugian bersih sejumlah RM20.30 juta pada tahun 2009. SAINS mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM17.27 juta pada akhir tahun 2011. Pengurusan aktiviti utama dan tadbir urus korporat SAINS adalah memuaskan tetapi terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Pakej 3 Projek Skim Bekalan Air Triang lewat disiapkan dan telah diberikan tempoh lanjutan masa sebanyak 4 kali.
- Tunggakan ganti rugi kehilangan air (penggunaan air secara tidak sah) bagi tempoh tahun 2010 hingga Mei 2012 berjumlah RM0.44 juta atau 45.4% daripada jumlah tuntutan ganti rugi yang berjumlah RM0.97 juta.
- Ketidakpatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat antaranya berkaitan bayaran dividen dan tunggakan wang jaminan/*guaranteed payment* bagi tempoh 2009 dan 2010 yang berjumlah RM20 juta.

4.4.1. Prestasi Kewangan

4.4.1.1. Analisis Trend


- a. Bagi tahun 2009, SAINS mencatat kerugian selepas cukai berjumlah RM20.30 juta. Namun pada tahun 2010 dan 2011, SAINS telah mencatatkan keuntungan masing-masing berjumlah RM1.10 juta dan RM1.93 juta. Dengan ini, kerugian terkumpul SAINS menurun sebanyak 14.9% iaitu daripada RM20.30 juta pada tahun 2009 kepada RM17.27 juta pada tahun 2011. Kerugian pada tahun 2009 adalah disebabkan jumlah hasil jualan air bermeter tidak mampu menampung jumlah perbelanjaan kerana baru memulakan operasi syarikat. Pada tahun 2010 dan 2011, SAINS mencatatkan keuntungan disebabkan peningkatan jumlah hasil daripada RM128.68 juta pada tahun 2009 kepada RM160.38 juta pada tahun 2010 dan RM164.70 juta pada tahun 2011.

- b. Pendapatan langsung SAINS adalah daripada jualan air bermeter manakala hasil tidak langsung antaranya adalah perkhidmatan sambungan air, hasil faedah, denda pemotongan dan kecurian air, hasil sewa dan terimaan yuran pendaftaran kontraktor panel. Pendapatan SAINS pada tahun 2009 berjumlah RM128.68 juta telah meningkat kepada RM160.38 juta pada tahun 2010 dan RM164.70 juta pada tahun 2011. Analisis Audit mendapati peningkatan pendapatan ini adalah disebabkan peningkatan jualan air terawat.
- c. Perbelanjaan SAINS terdiri daripada kos langsung dan kos tidak langsung. Kos langsung melibatkan pembelian air mentah, perkhidmatan loji swasta, pembelian bahan kimia untuk rawatan air, pembelian air bersih, perkhidmatan meter dan pembayaran utiliti. Manakala kos tidak langsung terdiri daripada perbelanjaan operasi dan pengurusan. Analisis Audit terhadap perbelanjaan SAINS menunjukkan aliran peningkatan pada setiap tahun dari tahun 2009 hingga 2011. Pada tahun 2009, perbelanjaan SAINS berjumlah RM148.98 juta telah meningkat pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing kepada RM159.28 juta dan RM162.36 juta. Peningkatan perbelanjaan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 disebabkan peningkatan dalam pembelian air mentah.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung/rugi SAINS bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.1** serta **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.


Jadual 4.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung/Rugi
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	2009	2010	2011
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Hasil Langsung	123.69	158.17	160.89
Hasil Tidak Langsung	4.99	2.21	3.81
Jumlah Pendapatan	128.68	160.38	164.70
Belanja Langsung	78.52	81.10	78.22
Belanja Tidak Langsung	70.46	78.18	84.14
Jumlah Perbelanjaan	148.98	159.28	162.36
Untung/Rugi Sebelum Cukai	-20.30	1.10	2.34
Cukai	-	-	0.41
Untung/Rugi Bersih	-20.30	1.10	1.93
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	-20.30	-19.20	-17.27

Sumber: Penyata Kewangan SAINS



Sumber: Penyata Kewangan SAINS



Sumber: Penyata Kewangan SAINS

4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan SAINS, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Kewangan SAINS bagi tahun 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun		
		2009	2010	2011
1.	Nisbah Semasa	0.81:1	0.82:1	0.83:1
2.	Margin Untung Bersih	-16.41%	0.69%	1.20%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.21:1	0.01:1	0.02:1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-103.18:1	5.91:1	11.62:1

Sumber: Penyata Kewangan SAINS

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa SAINS pada kadar 0.83:1 bagi tahun 2011 adalah tidak memuaskan. Nisbah ini menunjukkan SAINS tidak berkemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendek dengan menggunakan aset mudah tunainya. Bagaimanapun, nisbah ini menunjukkan peningkatan dari tahun 2009 hingga 2011.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratus keuntungan yang diperolehi daripada setiap hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati pada tahun 2011 dan 2010 SAINS telah mencatatkan margin keuntungan masing-masing sebanyak 1.20% dan 0.69% berbanding margin kerugian iaitu -16.41% pada tahun 2009. Secara keseluruhan, margin untung bersih SAINS adalah memuaskan kerana pendapatan utama bertambah dari tahun 2010 dan 2011 berbanding tahun 2009.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan yang diperolehi oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan keupayaan pihak pengurusan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah menunjukkan semakin berupaya/cekap syarikat menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2011 dan 2010 adalah memuaskan iaitu masing-masing pada nisbah 0.02:1 dan 0.01:1 berbanding -0.21:1 pada tahun 2009. Ini menunjukkan bahawa SAINS adalah cekap dalam mengurus aset yang mana setiap ringgit yang dilaburkan telah memberikan pulangan yang positif namun masih pada kadar yang rendah.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperolehi bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan semakin cekap syarikat menguruskan modalnya untuk menghasilkan keuntungan/pulangan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2010 dan 2011 adalah baik kerana setiap ringgit modal yang digunakan telah menghasilkan keuntungan/pulangan masing-masing sejumlah RM5.91 atau pada nisbah 5.91:1 dan RM11.62 atau pada nisbah 11.62:1 berbanding kerugian pada tahun 2009. Ini menunjukkan bahawa SAINS semakin cekap menguruskan modalnya untuk menghasilkan keuntungan/pulangan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan SAINS adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan pada tahun 2010 dan semakin meningkat pada tahun 2011 berbanding kerugian pada tahun 2009.

4.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama SAINS meliputi perkhidmatan pengagihan dan pembekalan air terawat kepada pengguna dalam kawasan agihan, menyelenggara setiap infrastruktur dan empangan sedia ada, mereka bentuk infrastruktur baru dan penambahbaikan operasi serta membangunkan sumber air mentah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Sehingga akhir tahun 2011, terdapat sebanyak 23 loji rawatan air dan 7 empangan takungan air di Negeri Sembilan. Pengeluaran air terawat pada tahun 2010 dan 2011 adalah masing-masing sebanyak 264.23 juta meter padu dan 266.81 juta meter padu. Semakan Audit terhadap aktiviti utama SAINS adalah seperti berikut:

4.4.2.1. Projek Skim Bekalan Air Triang - Pakej 3 Dan Pakej 5 Lewat Siap

Projek Skim Bekalan Air Triang merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) yang dibahagikan kepada 5 pakej dan dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2012. Kos projek adalah berjumlah RM464 juta berbanding kos asal projek berjumlah RM380 juta iaitu pertambahan sejumlah RM84 juta. Projek ini bertujuan untuk membekalkan sumber air terawat ke kawasan Seremban Barat termasuk Nilai dan Bandar Enstek dan dicadangkan untuk dijual kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS). Semakan Audit mendapati projek di Pakej 3 dan Pakej 5 lewat disiapkan seperti berikut:

a. Kelewatan Projek Pakej 3

- i. Pakej 3 merupakan projek membekal dan memasang saluran paip air mentah dari muka sauk Petasih ke Loji Rawatan Air Ngoi-ngoï telah ditawarkan secara tender dan tempoh siap selama 24 bulan (21 Januari 2008 hingga 17 Januari 2010). Semakan Audit mendapati projek ini telah diberikan/diluluskan lanjutan masa sebanyak 4 kali iaitu sehingga 30 Jun 2012. Sehingga April 2012, peratus kemajuan projek adalah 79.6% berbanding 97% sepatutnya siap iaitu kelewatan 17.4%. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi memantau kemajuan kerja projek ini. Mesyuarat mingguan diadakan bagi membincangkan isu-isu berbangkit dan diselesaikan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara sebab kelewatan projek adalah seperti berikut:
 - Kesukaran pemasangan paip Laluan 2B di sepanjang tepi sungai berbanding jajaran asal iaitu di tepi rizab jalan seperti di **Gambar 4.1**. Ini kerana kelulusan asal (tepi rizab jalan) telah ditolak oleh Jabatan Kerja Raya disebabkan menggangu kabel/talian elektrik dan telefon.
 - Kelewatan bayaran oleh kontraktor utama kepada sub kontraktor.
 - Melibatkan pengambilan tanah persendirian.

- Melibatkan pemasangan *temporary shoring* dengan menggunakan *temporary interlocking sheet pile* di kawasan yang mempunyai keadaan tanah yang sangat berair/berpasir serta lembut dan kawasan yang boleh mengakibatkan runtuh pada premis berhampiran seperti di **Gambar 4.2**.

Gambar 4.1
Pemasangan Paip Laluan 2B
Di Tepi Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Klawang, Jelevu
Tarikh: 10 April 2012

Gambar 4.2
Temporary Interlocking Sheet Pile



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Klawang, Jelevu
Tarikh: 10 April 2012

ii. Impak daripada kelewatan menyiapkan projek adalah seperti berikut:

- Menjejaskan proses pengujian dan pentauliahan (*Testing and Commissioning*) yang sepenuhnya terhadap projek yang telah siap di Pakej 1 (pembinaan terowong), Pakej 2 (stesen pengepam) dan Pakej 4 (jajaran paip/*pipeline*) seperti di **Gambar 4.3** dan **Gambar 4.4**.
- Tempoh liabiliti kecacatan bagi Pakej 4 telah tamat pada 27 November 2011 tanpa diuji.
- TNB akan mengenakan caj penalti bekalan elektrik di stesen pengepam dan muka sauk Petasih (Pakej 2) pada tahun kedua iaitu mulai 4 April 2012.

Gambar 4.3
Transfer Tunnel



Sumber: Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.
Lokasi: Kuala Klawang, Jelebu
Tarikh: 21 Jun 2011

Gambar 4.4
Mesin Pengepam Air Mentah
Di Muka Sauk Petasih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Purun, Peradong, Jelebu
Tarikh: 10 April 2012

b. Kelewatan Projek Pakej 5

Pakej 5 merupakan projek pembinaan Empangan Triang bagi tujuan takungan air tambahan sekiranya berlaku kekurangan kuantiti air di loji takungan air mentah Muka Sauk Petasih. Pakej 5 dengan kos berjumlah RM132.31 juta ditawarkan secara rundingan terus di mana lantikan kontraktor dibuat oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air dan tempoh siap selama 32 bulan. Pakej 5 sepatutnya disiapkan pada 14 Februari 2012 tetapi telah diberikan lanjutan masa sehingga 14 Jun 2012. Mengikut Laporan Projek Lewat Bagi Projek-projek Rancangan Malaysia Ke-10 bertarikh 17 April 2012, kemajuan fizikal projek di tapak adalah 66.8% berbanding 69.3% seperti mana yang dirancang iaitu lewat 2.5%. Kerja-kerja pembinaan di Pakej 5 seperti di **Gambar 4.5** dan **Gambar 4.6**. Antara sebab kelewatan mengikut laporan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Tunggakan bayaran dari kontraktor utama kepada sub kontraktor.
- ii. Kekurangan jentera di mana hanya terdapat 13 lori, 5 jengkaut, 3 *roller*, 3 *backpusher*, dan 2 jentolak untuk kerja empangan. Sekurang-kurangnya 38 lori dan 9 jengkaut diperlukan selewat-lewatnya awal bulan Mac 2012 untuk kontraktor menyiapkan kerja pada akhir tahun 2012.

Gambar 4.5
Kerja-Kerja Di Tapak Empangan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Klawang, Jelebu
Tarikh: 10 April 2012

Gambar 4.6
Pembinaan Menara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Klawang, Jelebu
Tarikh: 10 April 2012

- c. **Berdasarkan maklum balas daripada SAINS bertarikh 23 Julai 2012, kelewatan di Pakej 3 disebabkan perubahan jajaran paip, kenaikan harga besi pada tahun 2009, isu pengambilan tanah, arahan kerja oleh Pegawai Penguasa dan perubahan reka bentuk. Selain daripada itu penganjutan masa bagi Pakej 5 disebabkan perubahan reka bentuk, taburan hujan luar biasa serta pertambahan pemotongan kerja-kerja tanah di *inlet* portal. Bagi isu pembayaran lambat kepada sub kontraktor telah diselesaikan pada 30 Jun 2012.**

4.4.2.2. Aktiviti Penguatkuasaan

a. Tunggakan Tuntutan Ganti Rugi Kehilangan Air

Satu Notis Tuntutan Ganti Rugi Kehilangan Air atau penggunaan air secara tidak sah akan dikeluarkan kepada pemilik premis domestik yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Sekiranya disabitkan kesalahan, pemilik premis dikehendaki menjelaskan tuntutan tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga Mei 2012, notis tuntutan ganti rugi kehilangan air berjumlah RM0.97 juta telah dikeluarkan. Sejumlah RM0.53 juta atau 54.6% tuntutan ganti rugi telah berjaya dikutip dan tunggakan tuntutan ganti rugi sehingga Mei 2012 adalah berjumlah RM0.44 juta atau 45.4% bagi tempoh tahun 2010 hingga Mei 2012 seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Jumlah Tunggakan Tuntutan Ganti Rugi Kehilangan Air
Bagi Tahun 2010 Hingga Mei 2012

Tahun	Notis Tuntutan (RM Juta)	Kutipan (RM Juta)	Tunggakan (RM Juta)
2010	0.49	0.05	0.44
2011	0.37	0.45	-0.08
Sehingga Mei 2012	0.11	0.03	0.08
Jumlah	0.97	0.53	0.44

Sumber: Rekod SAINS

b. Kecurian Air Domestik

Kegiatan mencuri air atau membuat penyambungan paip air secara menyalahi undang-undang merupakan satu kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Pihak Audit telah membuat lawatan bersama pegawai penguatkuasa SAINS ke 3 premis domestik berdasarkan aduan yang diterima dan mendapati berlaku penyambungan secara tidak sah. Notis kesalahan telah dikemukakan terhadap 3 pemilik premis berkenaan. Sehubungan itu, pihak SAINS berhak memberhentikan bekalan air dan menuntut ganti rugi kehilangan air daripada pemilik premis. Aktiviti penyambungan paip air secara tidak sah adalah seperti di **Gambar 4.7** dan **Gambar 4.8**.

Gambar 4.7
Penyambungan Paip Air Secara Tidak Sah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Thivy Jaya, Seremban
 Tarikh: 13 April 2012

Gambar 4.8
Penyambungan Paip Air Secara Tidak Sah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Taman Anggerik, Rantau
 Tarikh: 13 April 2012

- c. Berdasarkan maklum balas SAINS bertarikh 23 Julai 2012, antara langkah yang diambil bagi memastikan baki tuntutan ganti rugi kehilangan air dapat dikutip dan membendung kegiatan kecurian air adalah melalui aktiviti penguatkuasaan seperti menghantar Notis Peringatan dan mendapatkan maklum balas Notis Peringatan daripada pengguna terbabit, penyerahan kes kepada Bahagian Perundangan Dan Kesetiausahaan sekiranya tiada maklum balas daripada pengguna, pemfailan saman oleh Bahagian Perundangan bagi pengguna yang ingkar dan langkah seterusnya menyenaraihitamkan akaun pengguna.**

Pada pendapat Audit, secara umumnya pengurusan aktiviti SAINS adalah memuaskan di mana jumlah pengeluaran air terawat meningkat dari tahun 2010 hingga 2011. Bagaimanapun, Projek Skim Bekalan Air Triang perlu disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan meningkatkan penguatkuasaan terhadap kecurian air.

4.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat adalah merujuk kepada aktiviti mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat SAINS mendapati perkara berikut:

4.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah Dan Mesyuarat Agong Tahunan

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan Lembaga Pengarah perlu mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah sekali bagi tempoh 3 bulan. Semakan Audit mendapati SAINS telah mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan pada setiap tahun 2010 dan 2011. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga telah diadakan melebihi 4 kali setiap tahun bagi sepanjang tahun 2010 hingga 2011.

4.4.3.2. *Standard Operating Procedures*

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati SAINS ada menyediakan SOP bagi mengurus dan mengawal urusan kewangan.

4.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menjelaskan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi Syarikat Induk dan Subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ia bertujuan meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat itu supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama dapat dipelihara sepenuhnya. Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 ahli yang terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif syarikat dan pihak luar daripada pengurusan syarikat. Pengurus Audit Dalam Syarikat Induk hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan perlu berpengalaman serta menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia (IAM). Semakan Audit mendapati SAINS telah menubuhkan Jawatankuasa Audit. Bagaimanapun, tiada pihak luar dilantik sebagai ahli jawatankuasa manakala setiausaha syarikat dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit. Semakan Audit seterusnya

terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Audit mendapati Jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat 2 kali sahaja pada tahun 2011. Pada tahun 2010, tiada mesyuarat Jawatankuasa Audit telah diadakan.

4.4.3.4. Unit Audit Dalam

Perenggan 1000 *Attribute Standards - International Standards For The Professional Practice Of Internal Auditing* menyatakan tujuan, kuasa dan tanggungjawab Audit Dalam hendaklah dinyatakan di dalam piagam, konsisten dengan peraturan/undang-undang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menetapkan pelaksanaan Audit Dalam di syarikat induk dan subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati SAINS telah menubuhkan Bahagian Audit Dalam Dan Pengurusan Risiko pada Ogos 2010. Rancangan Audit Tahunan bagi tahun 2011 dan 2012 telah disediakan dan dibenteng serta diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Pertama (Mesyuarat 1/2011) dan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Ketiga (Mesyuarat 3/2011) masing-masing pada 21 Februari 2011 dan 21 Disember 2011. Mesyuarat Audit Dalam telah diadakan 3 kali pada tahun 2011 dan satu kali pada tahun 2012 (sehingga April).

4.4.3.5. Bayaran Sagu Hati

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan bahawa bayaran insentif/sumbangan hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah syarikat induk sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Semakan Audit mendapati SAINS telah memberi bayaran sagu hati sempena Hari Raya Aidilfitri kepada kakitangan dan Ahli Lembaga Pengarah pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing berjumlah RM1.52 juta dan RM4.35 juta. Pemberian bayaran sagu hati tersebut telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah tetapi tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. **Menurut maklum balas SAINS bertarikh 23 Julai 2012, SAINS akan mendapatkan maklumat lanjut daripada Pihak Kerajaan Negeri berhubung peraturan-peraturan yang perlu diikuti.**

4.4.3.6. Pembayaran Dividen

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993, cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Dividen perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% setahun. Sekiranya syarikat tidak bercadang membuat bayaran dividen, syarikat perlu mengemukakan sebab tidak mengisytiharkan bayaran dividen. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti menunjukkan SAINS mengemukakan sebab tidak mengisytiharkan bayaran dividen pada tahun 2010 dan 2011 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 walaupun pada tahun 2010 dan 2011, Syarikat memperoleh keuntungan. **Menurut maklum balas SAINS bertarikh**

23 Julai 2012, SAINS akan mendapatkan maklumat lanjut daripada Pihak Kerajaan Negeri berhubung peraturan-peraturan yang perlu diikuti.

4.4.3.7. Pembayaran Wang Jaminan

Berdasarkan Perjanjian Pengkorporatan, SAINS bersetuju membayar Wang Jaminan (*Guaranteed Payment*) kepada Kerajaan Negeri daripada hasil yang diterima oleh SAINS sejumlah RM10 juta setahun bagi tempoh 5 tahun pertama. Semakan Audit mendapati SAINS belum membuat bayaran Wang Jaminan kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 dan 2010 berjumlah RM20 juta. **Berdasarkan maklum balas SAINS bertarikh 23 Julai 2012, bermula tahun 2011 caj wang jaminan digantikan dengan semakan semula caj air mentah iaitu dari RM0.03/m³ kepada RM0.08/m³. SAINS kini dalam proses merangka jadual pembayaran bagi tunggakan dan caj semasa supaya tidak membebankan kewangan syarikat.**

4.4.3.8. Pengurusan Kewangan

- a. Seksyen 167, Akta Syarikat 1965 antara lain menetapkan setiap syarikat, Pengarah dan Pengurus Syarikat bertanggungjawab memastikan rekod kewangan disimpan dengan teratur bagi memudahkan pengauditan dijalankan. Rekod kewangan perlu disimpan bagi tempoh 7 tahun. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan pihak pengurusan syarikat Kerajaan perlu menyediakan dan mengemas kini peraturan berkaitan perbelanjaan syarikat bagi mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Pengauditan meliputi kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan sumber manusia dan pengurusan aset. Semakan Audit mendapati pengurusan kewangan SAINS adalah seperti berikut:
 - i. Sebanyak 31 baucar bayaran berjumlah RM0.62 juta telah lewat dijelaskan antara 3 hingga 23 bulan daripada tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna.
 - ii. Sebanyak 7 baucar bayaran berjumlah RM0.23 juta tidak dilampirkan dengan dokumen sokongan yang lengkap.
 - iii. Bil yang diterima daripada pembekal tidak dicop tarikh terima.
 - iv. Daftar aset tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit mendapati sebanyak 157 aset berjumlah RM0.20 juta tidak mempunyai nombor pendaftaran.
- b. **Menurut maklum balas SAINS bertarikh 23 Julai 2012, syarikat menghadapi beberapa isu semasa pengkorporatan antaranya kelewatan penerimaan invoice dan dokumen pembayaran yang diambil untuk rujukan tidak disimpan semula ke dalam fail. Pihak SAINS akan mengambil tindakan mengecop tarikh terima pada invoice. Tempoh pembayaran yang diamalkan adalah bergantung kepada**

aliran tunai yang sedia ada dari semasa ke semasa. Walaupun demikian, SAINS kini membuat pembayaran dalam tempoh 60 hingga 90 hari. Pihak SAINS juga dalam proses untuk mengemas kini senarai aset kepunyaan syarikat.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi dengan mematuhi arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan tadbir urus korporat dan kewangan.

4.5. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan SAINS mengambil tindakan terhadap perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat:

4.5.1. Meningkatkan pemantauan terhadap Projek Skim Bekalan Air Triang bagi memastikan ia dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan aktiviti kecurian air bagi mengelak syarikat mengalami kerugian hasil daripada pengeluaran air terawat.

4.5.2. Mengambil tindakan berterusan untuk mendapatkan tunggakan ganti rugi kehilangan air berjumlah RM0.44 juta bagi mengelak menjadi hutang lapuk.

4.5.3. Mengambil usaha untuk membuat bayaran terhadap tunggakan wang jaminan kepada Kerajaan Negeri dengan membuat bayaran balik secara berjadual.

4.5.4. Memastikan peraturan berkaitan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pengurusan kewangan sentiasa dipatuhi.

YAYASAN NEGERI SEMBILAN

5. GANDA AKADEMIK SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Ganda Akademik Sdn. Bhd. (GASB) merupakan sebuah syarikat milik penuh Yayasan Negeri Sembilan (Yayasan) dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal berbayar sejumlah RM3.55 juta. GASB ditubuhkan pada 22 Julai 1993 bertujuan menjalankan aktiviti pendidikan melalui penubuhan 2 buah pusat pengajian iaitu Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan (ITYNS) dan Sekolah Perhotelan Dan Pelancongan Negeri Sembilan (SPPNS).

5.1.2. Objektif GASB adalah untuk menjalankan perniagaan bagi menyediakan pendidikan teknikal, vokasional dan akademik pada setiap peringkat, menjalankan program berkembar dan francais bersama institusi pendidikan di dalam dan luar negara, menjalankan program pendidikan yang diiktiraf oleh badan bertauliah dalam dan luar negara serta memperoleh tanah dan harta bagi tujuan menyediakan infrastruktur pendidikan. Visi GASB adalah komited dalam menyediakan latihan kemahiran terutama kepada masyarakat umum khususnya lepasan pelajar sekolah menengah, pekerja dan bakal pekerja supaya berketerampilan, berkemahiran, cemerlang dan terbilang. Misi GASB pula adalah agar institusi-institusi GASB menjadi institusi kemahiran yang dikenali di Malaysia.

5.1.3. GASB diterajui oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah iaitu terdiri daripada seorang Ahli Lembaga Pengarah Yayasan sebagai Pengerusi dan 4 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Sehingga bulan Mac 2012, jumlah kakitangan GASB adalah seramai 49 orang yang terdiri daripada 18 orang kakitangan di GASB, 12 orang kakitangan di SPPNS dan 19 orang kakitangan di ITYNS. Seramai 48 orang kakitangan adalah kakitangan tetap dan seorang kakitangan kontrak.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan GASB adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti, kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama GASB. Aspek yang ditekankan ialah prestasi kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat. Semakan Audit dijalankan terhadap dokumen, fail dan rekod yang berkaitan bagi tahun 2009 hingga

2012. Analisis kewangan telah dijalankan secara perbandingan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tempoh 3 tahun terkini iaitu bagi tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai GASB bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan juga telah dijalankan ke ITYNS dan SPPNS.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga April 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kedudukan kewangan GASB adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian bersih sejumlah RM0.32 juta pada tahun 2011 berbanding keuntungan pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun GASB mencatat keuntungan terkumpul sejumlah RM1.04 juta pada akhir tahun 2011. Pengurusan aktiviti adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Manakala pengurusan tadbir urus korporat adalah memuaskan tetapi terdapat ketidakpatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat yang ditetapkan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Penurunan bilangan pelajar yang ketara pada tahun 2011.
- Pengurangan peratusan pelajar yang lulus.
- Tunggakan sewa yang semakin meningkat.
- Ketidakpatuhan terhadap beberapa aspek tadbir urus korporat antaranya Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan mengikut ketetapan, rancangan korporat tidak disediakan, pembayaran dividen tidak dibuat dan kelemahan dalam pengurusan aset.

5.4.1. Prestasi Kewangan

Penilaian terhadap prestasi kewangan GASB adalah berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Perbandingan prestasi kewangan bagi tahun 2009 hingga 2011 secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

5.4.1.1. Analisis Trend

- a. Pada tahun 2011, GASB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.32 juta berbanding keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing berjumlah RM1.64 juta dan RM0.49 juta. Bagaimanapun, GASB masih mempunyai keuntungan terkumpul berjumlah RM1.04 juta bagi tahun 2011. Penurunan keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2010 sebanyak RM1.15 juta (70.1%) berbanding tahun 2009 adalah disebabkan penurunan ketara hasil langsung. Bagi tahun 2011, GASB mengalami kerugian sebelum cukai iaitu penurunan sebanyak 165.3% berbanding tahun 2010 kerana penurunan di dalam hasil langsung terdiri daripada yuran pengajian yang diterima oleh GASB.

- b. Pendapatan utama GASB terdiri daripada yuran pengajian termasuk pendaftaran dan penginapan. Pendapatan GASB bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 masing-masing adalah berjumlah RM5.37 juta, RM3.76 juta dan RM2.54 juta. Pendapatan utama menurun 3 tahun berturut-turut dari tahun 2009 hingga 2011 adalah disebabkan bilangan kemasukan pelajar menurun.
- c. Perbelanjaan GASB bagi tahun 2009, 2010 dan 2011 masing-masing berjumlah RM3.73 juta, RM3.27 juta dan RM2.86 juta yang terdiri daripada bayaran perbelanjaan pentadbiran dan pelbagai perbelanjaan. Perbelanjaan menurun dari tahun 2009 hingga 2011 disebabkan penurunan lain-lain belanja operasi yang antaranya melibatkan penurunan yang ketara bagi yuran perunding dan perbelanjaan bagi makanan pelajar untuk program yang telah tamat pada tahun 2009.
- d. Kedudukan dan trend pendapatan dan perbelanjaan serta untung/rugi GASB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.1** serta **Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.


Jadual 5.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Hasil Langsung	5.35	3.73	2.51
Hasil Tidak Langsung	0.02	0.03	0.03
Jumlah Pendapatan	5.37	3.76	2.54
Belanja Langsung	1.66	1.72	1.70
Belanja Tidak Langsung	2.07	1.55	1.16
Jumlah Perbelanjaan	3.73	3.27	2.86
Untung/Rugi Sebelum Cukai	1.64	0.49	-0.32
Cukai	-	-	-
Untung/Rugi Bersih	1.64	0.49	-0.32
Keuntungan Terkumpul	0.87	1.36	1.04

Sumber: Penyata Kewangan GASB



Sumber: Penyata Kewangan GASB



Sumber: Penyata Kewangan GASB

5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan GASB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran di Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Analisis Nisbah Kewangan GASB Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2009	2010	2011
1.	Nisbah Semasa	1.94 : 1	2.52 : 1	2.24 : 1
2.	Margin Untung Bersih	30.7%	13.0%	-12.7%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.26 : 1	0.07 : 1	-0.05 : 1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.37 : 1	0.10 : 1	-0.07 : 1

Sumber: Penyata Kewangan GASB

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada umumnya semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa GASB pada tahun 2009 hingga 2011 pada nisbah 1.94:1 hingga 2.52:1 adalah baik. Nisbah ini menunjukkan GASB berkemampuan untuk membayar liabiliti jangka pendek dengan menggunakan aset mudah tunainya. Bagaimanapun, nisbah ini menunjukkan penurunan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratus keuntungan yang diperoleh daripada setiap hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (*value added*) terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati pada tahun 2009 dan 2010 GASB telah mencatatkan margin keuntungan masing-masing pada kadar 30.7% dan 13% berbanding margin kerugian iaitu -12.7% pada tahun 2011. Ini menunjukkan bahawa aktiviti utama GASB pada tahun 2011 kurang memuaskan kerana tidak berupaya menjana keuntungan iaitu pada setiap ringgit pendapatan GASB mengalami kerugian 12.7 sen. Secara keseluruhan, margin untung bersih GASB adalah kurang memuaskan kerana pendapatan utama berkurangan dari tahun 2009 hingga 2011.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan keupayaan pihak pengurusan syarikat menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah menunjukkan semakin berupaya/cekap syarikat menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2009 dan 2010 adalah memuaskan iaitu masing-masing pada nisbah 0.26:1 dan 0.07:1 berbanding -0.05:1 pada tahun 2011. Secara keseluruhannya, nilai pulangan ke atas aset menurun dari tahun 2009 hingga 2010 dan mengalami kerugian sejumlah 5 sen pada tahun 2011 daripada setiap ringgit yang digunakan. Ini menunjukkan kecekapan GASB semakin menurun dalam menguruskan aset yang dimiliki bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah ini adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan semakin cekap syarikat menguruskan modalnya untuk menghasilkan keuntungan/pulangan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti menunjukkan penurunan. Pada tahun 2009 dan 2010, setiap ringgit modal yang digunakan telah menghasilkan keuntungan/pulangan masing-masing sejumlah 37 sen atau pada nisbah 0.37:1 dan 10 sen atau pada nisbah 0.10:1 berbanding kerugian sejumlah 7 sen pada tahun 2011. Ini menunjukkan kecekapan GASB semakin menurun dalam menguruskan modal yang dilaburkan bagi memperoleh keuntungan/pulangan yang tinggi.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan GASB adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian bersih sejumlah RM0.32 juta pada tahun 2011 berbanding keuntungan pada tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, keuntungan pada tahun 2010 menurun dengan ketara berbanding 2009.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

GASB mengendalikan 2 buah pusat pengajian yang menawarkan kursus yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia iaitu Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan (ITYNS) di Gentam, Kuala Pilah dan Sekolah Perhotelan Dan Pelancongan Negeri Sembilan (SPPNS) di Era Square, Seremban. ITYNS telah mula beroperasi pada Januari 1997 dan SPPNS pula mula beroperasi pada Januari 2008. ITYNS ditubuhkan hasil pengambilalihan Negeri Agro Industrial Training Complex (NAITC) pada tahun 1997. Sehubungan itu, kebanyakan peralatan di bangunan pentadbiran dan bilik kuliah ITYNS adalah diambil alih daripada NAITC. Sebanyak 12 kursus yang ditawarkan di ITYNS

dan 8 kursus di SPPNS. Sehingga Mac 2012, bilangan pelajar yang mengikuti kursus yang ditawarkan di ITYNS dan SPPNS masing-masing ialah seramai 219 dan 50 orang seperti di **Jadual 5.3**. Kesemua kursus yang ditawarkan adalah di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2 dan 3. Kursus-kursus ini terbuka kepada pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPM/SPMV) dan pemegang sijil kemahiran. Pengambilan pelajar baru dibuat 2 kali setahun iaitu pada sesi pengambilan Januari/Februari dan Jun/Julai setiap tahun.

Jadual 5.3
Bilangan Pelajar Di ITYNS Dan SPPNS Setakat Mac 2012


ITYNS			SPPNS	
Bil.	Kursus	Bilangan Pelajar (Orang)	Kursus	Bilangan Pelajar (Orang)
1.	Pelukis Pelan Seni Bina Tahap 1 & 2	12	Pramusaji & Kaptan Makanan Dan Minuman	0
2.	Juruteknik Elektrik Rendah	16	Pembantu Kaunter Hadapan & Penyelia Kaunter Hadapan	7
3.	Juruteknik Elektrik	25	Pemandu Pelancong	5
4.	Pembantu Juruteknik Sistem Komputer	7	Pembantu & Penyedia Makanan	14
5.	Juruteknik Sistem Komputer	19	Penyelia / Ketua Seksyen Penyedia Makanan	11
6.	Juruteknik Rendah Elektronik Industri - Peralatan	6	Pembantu & Penyedia Pastrri	5
7.	Juruteknik Elektronik Industri - Peralatan	4	Penyelia / Ketua Seksyen Penyedia Pastrri	8
8.	Pembuat Pakaian Wanita Tahap 1,2 & 3	34	Pegawai Latihan Vokasional	0
9.	Mekanik Kenderaan Motor Tahap 1 & 2	26		
10.	Juruteknik Kenderaan Motor	16		
11.	PW 2(CIDB)	31		
12.	Pegawai Latihan Vokasional	23		
Jumlah		219	Jumlah	50

Sumber: Rekod ITYNS Dan SPPNS

5.4.2.1. Pengambilan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran Bagi Tahun 2011

- a. Pada tahun 2011, GASB telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar bagi ITYNS dan SPPNS masing-masing seramai 330 dan 225 orang pelajar. Bagaimanapun, tidak ada sasaran pengambilan pelajar ditetapkan sebelum tahun 2011. Analisis Audit terhadap pendaftaran pelajar bagi ITYNS dan SPPNS pada tahun 2011 mendapati ia tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Jumlah pelajar yang mendaftar di ITYNS dan SPPNS bagi tahun 2011 masing-masing seramai 69 dan 158 orang pelajar atau 20.9% dan 70.2% berbanding sasaran yang ditetapkan. Bagi SPPNS, walaupun tidak mencapai sasaran yang ditetapkan namun pendaftaran pelajar pada tahun 2011 meningkat berbanding tahun 2009 dan 2010. Bagaimanapun, berlaku penurunan yang ketara bagi ITYNS di mana hanya seramai 69 orang pelajar yang mendaftar pada tahun 2011 berbanding 524 orang pada tahun 2010 dan 199 orang pada tahun

2009. Kedudukan pendaftaran pelajar di ITYNS dan SPPNS bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 5.3**.



Sumber: Rekod ITYNS Dan SPPNS

- b. Secara keseluruhannya bilangan pelajar bagi kedua-dua pusat pengajian meningkat seramai 316 pelajar pada tahun 2010 kepada 646 pelajar berbanding 330 pelajar pada tahun 2009. Bagaimanapun, bilangan pelajar menurun dengan ketara pada tahun 2011 kepada hanya 227 pelajar berbanding tahun 2010 iaitu penurunan seramai 419 orang pelajar atau 64.9%. Penurunan ini disebabkan beberapa faktor antaranya seperti berikut:
- ITYNS dan SPPNS terlibat dengan program latihan kemahiran untuk etnik minoriti Sabah dan Sarawak pada tahun 2009 dan 2010 melibatkan masing-masing seramai 175 dan 282 orang pelajar. Program latihan tersebut merupakan program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negara Kedua (2009 hingga 2010).
 - Program pemasaran yang kurang berkesan di mana mengikut rekod pada tahun 2011, program pemasaran yang dijalankan hanya berjaya menarik pelajar seramai 208 orang. Program pemasaran yang dijalankan pada tahun 2011 adalah dengan menyertai Pameran Dan Promosi Pengambilan Pelajar di Pusat Latihan Khidmat Negara dan promosi pengambilan pelajar di seluruh negara seperti di **Jadual 5.4**. Usaha telah dijalankan oleh pihak Syarikat bagi menarik lebih ramai pelajar antaranya mengadakan kerjasama dengan beberapa buah Yayasan seperti Yayasan Strategik Sosial, Yayasan Felda dan Yayasan Kemiskinan Kelantan.

Jadual 5.4

Aktiviti Promosi Yang Dijalankan GASB


Bil.	Program Yang Dijalankan	Lokasi Program	Tarikh	Bil. Pendaftaran (Orang)		Jumlah (Orang)
				ITYNS	SPPNS	
1.	Pameran Dan Promosi Pengambilan Pelajar Di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN)	Paya Indah, Kuala Langat	12.11.2011	44	10	54
		Jugra, Banting				
		Titian Bintangor, Rembau	12.11.2011	23	6	29
		Putra Putri, Alor Gajah, Melaka	21.11.2011	62	13	75
2.	Promosi Pengambilan Pelajar Di Negeri-Negeri	Sabah	15.9.2011 Hingga 19.9.2011	2	4	6
		Johor	16.9.2011 Hingga 18.9.2011	11	8	19
		Negeri Sembilan	8.10.2011	8	12	20
		Kedah, Kelantan dan Terengganu	14.10.2011	3	2	5
Jumlah				153	55	208

Sumber: Rekod ITYNS Dan SPPNS

- c. **Berdasarkan maklum balas GASB bertarikh 16 Ogos 2012, pada tahun 2009 dan 2010, majoriti pelajar adalah tajaan UPEN keseluruhannya. Manakala pada tahun 2011, pelajar perlu membuat pinjaman sendiri untuk membiayai kos pengajian. Selain itu aktiviti promosi yang dilakukan dalam tempoh singkat gagal menarik lebih ramai pelajar mendaftar.**

5.4.2.2. Prestasi Pencapaian Pelajar

- a. Pihak pengurusan ITYNS dan SPPNS ada membuat analisis mengenai prestasi dan kedudukan terkini pelajar. Setakat Mac 2012, pelajar yang menyertai kursus yang ditawarkan di ITYNS dan SPPNS masing-masing seramai 219 orang dan 50 orang. Analisis prestasi pelajar yang menyertai kursus di ITYNS dan SPPNS bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Carta 5.4**.



Sumber: Rekod GASB

- b. Berdasarkan analisis prestasi pelajar ITYNS didapati seramai 174 (87.4%) orang pelajar telah lulus bagi keseluruhan kursus pada tahun 2009. Peratusan kelulusan ini telah meningkat pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing kepada 98.9% dan 100%. Hasil analisis prestasi pelajar SPPNS pula menunjukkan terdapat peningkatan dan penurunan peratusan pelajar yang lulus. Pada tahun 2010, peratus pelajar lulus meningkat kepada 86.9% daripada 69.5% pada tahun 2009. Bagaimanapun pada tahun 2011, peratus pelajar lulus menurun sebanyak 11.6% kepada 75.3% berbanding tahun 2010.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati bilangan pelajar yang tidak menamatkan pengajian di ITYNS adalah sejumlah 25 orang pada tahun 2009 dan jumlah ini berkurangan kepada 6 orang pada tahun 2010 dan seterusnya tiada pelajar yang tidak menamatkan pengajian pada tahun 2011. Bagaimanapun, bagi SPPNS terdapat sejumlah 8 orang pelajar tidak menamatkan pengajian pada tahun 2009 dan jumlah ini meningkat kepada 14 orang pada tahun 2010 dan 19 orang pada tahun 2011. Antara sebab pelajar tidak menamatkan pengajian ialah kerana mendapat tawaran bekerja, mendapat tawaran belajar daripada pusat pengajian lain, berkahwin dan masalah kesihatan.
- d. **Menurut maklum balas GASB bertarikh 16 Ogos 2012, Ketua Sekolah dan Pegawai Hal Ehwal Akademik di ITYNS dan SPPNS telah menjalankan beberapa perancangan untuk memastikan pencapaian pelajar dipantau dengan sistematik. ITYNS dan SPPNS telah mewujudkan beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Penilaian Dan Peperiksaan bagi memastikan prestasi pencapaian pelajar dikawal selia. Selain itu, kursus juga telah diberikan kepada tenaga pengajar bagi meningkatkan tahap pengajaran.**

5.4.2.3. Tunggakan sewa

- a. GASB telah menyewa beberapa lot bangunan milik Yayasan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) bagi menyediakan pusat kuliah dan penginapan pelajar ITYNS dan SPPNS serta pejabat pentadbiran GASB. Berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani antara GASB dengan pemilik premis berkenaan, GASB perlu menjelaskan sewa bulanan sebelum 7 hari bulan pada setiap bulan. Semakan Audit mendapati GASB gagal untuk menjelaskan sewa mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Jumlah sewa bulanan yang perlu dibayar oleh GASB adalah sejumlah RM33,700. Setakat Disember 2011, GASB masih menanggung tunggakan sewa sejumlah RM1.10 juta. Butiran lanjut berkaitan tunggakan sewa GASB adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5
Tunggakan Sewa GASB Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Pemilik Premis	Pusat Pengajian	Sewa Sebulan (RM)	Tunggakan		
				2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
1.	Yayasan	SPPNS	8,000	492,000	104,000	168,000
2.		ITYNS	20,000		640,000	880,000
3.	MAINS	SPPNS	4,500	28,000	44,500	44,500
4.	PKNNS	SPPNS	1,200	0	0	7,200
Jumlah			33,700	520,000	788,500	1,099,700

Sumber: Rekod GASB

- b. Berdasarkan jadual di atas, didapati tunggakan sewa meningkat pada tahun 2010 kepada RM0.79 juta berbanding RM0.52 juta pada tahun 2009 iaitu peningkatan sejumlah RM0.27 juta (51.9%). Manakala pada tahun 2011, tunggakan sewa meningkat sejumlah RM0.31 juta (39.2%) kepada RM1.10 juta berbanding tahun 2010. Ini menyebabkan GASB menanggung tunggakan sewa yang tinggi setiap tahun.
- c. **Menurut maklum balas GASB bertarikh 16 Ogos 2012, bermula tahun 2009 sewa asrama yang dikenakan oleh Yayasan sejumlah RM20,000 sebulan adalah membebankan aliran tunai GASB. Tunggakan tersebut tidak mampu dilunaskan kerana pendapatan GASB tidak mencapai jumlah berkenaan. GASB telah mengemukakan cadangan kepada pihak Yayasan bagi penurunan sewa kepada RM10,000 sebulan dan juga memohon bagi memansuhkan tunggakan sedia ada. Selain itu, GASB membuat perancangan untuk mengunjurkan bayaran bulanan di dalam aliran tunai bagi membayar sewa secara berkala.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti GASB adalah kurang memuaskan kerana sasaran pengambilan pelajar tidak tercapai, prestasi pencapaian pelajar SPPNS menurun dan tunggakan sewa meningkat setiap tahun.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat adalah merujuk kepada aktiviti mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat GASB mendapati perkara berikut:

5.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menetapkan Lembaga Pengarah perlu mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah sekali bagi tempoh 3 bulan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2009 dan 2010, GASB telah berjaya mengadakan Mesyuarat

Lembaga Pengarah seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun, pada tahun 2011 Mesyuarat Lembaga Pengarah hanya diadakan sebanyak 3 kali.

5.4.3.2. Standard Operating Procedures

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati GASB ada menyediakan SOP bagi mengurus dan mengawal urusan kewangan.

5.4.3.3. Unit Audit Dalam

Perenggan 1000 *Attribute Standards - International Standards For The Professional Practice Of Internal Auditing* menyatakan tujuan, kuasa dan tanggungjawab Audit Dalam hendaklah dinyatakan di dalam piagam, konsisten dengan peraturan/undang-undang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 menetapkan pelaksanaan Audit Dalam di syarikat induk dan subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati GASB belum menubuhkan Unit Audit Dalam kerana menggunakan perkhidmatan Unit Audit Dalam Yayasan.

5.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menjelaskan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan bagi Syarikat Induk dan Subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Ia bertujuan meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat itu supaya kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham utama dapat dipelihara sepenuhnya. Jawatankuasa yang ditubuhkan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 3 ahli yang terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif syarikat dan pihak luar daripada pengurusan syarikat. Pengurus Audit Dalam Syarikat Induk hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan perlu berpengalaman serta menjadi ahli badan profesional Institut Akauntan Malaysia (IAM). Semakan Audit mendapati GASB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit. Bagaimanapun, pemeriksaan ada dilakukan oleh Unit Audit Dalam Yayasan dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Yayasan, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan dan Lembaga Pengarah GASB. Pemeriksaan dilakukan mulai tahun 2008 mengikut pusingan tahun memandangkan perjawatan bagi Unit Audit Dalam Yayasan hanyalah seorang berbanding 5 buah syarikat subsidiari Yayasan.

5.4.3.5. Rancangan Korporat

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan perlu menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat perlu disediakan bagi merangka strategi pelaksanaannya untuk membentuk objektif dan matlamat yang realistik selaras dengan misi dan keupayaan organisasi. Rancangan korporat juga dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik antara kakitangan dengan pihak pengurusan.
- b. Semakan Audit mendapati GASB tidak menyediakan rancangan korporat sama ada bagi jangka pendek mahupun jangka panjang. Sebaliknya GASB hanya menyediakan Pelan Perancangan Pemasaran secara tahunan bagi merangka perjalanan aktiviti pemasaran GASB sepanjang tahun. Antaranya ialah mengadakan temu janji dengan sekolah, *roadshow* dan pameran, hebahan ke Jabatan Kerajaan serta menjalankan program taklimat pengenalan GASB kepada Agensi Kerajaan.

5.4.3.6. Pembayaran Dividen

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993, cadangan bayaran dividen perlu dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Dividen perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham sekurang-kurangnya 10% setahun. Sekiranya syarikat tidak bercadang membuat bayaran dividen, syarikat perlu mengemukakan sebab tidak mengisytiharkan bayaran dividen. Semakan Audit mendapati GASB tidak pernah membuat bayaran dividen kepada Yayasan walaupun memperoleh keuntungan pada tahun 2009 dan 2010.

5.4.3.7. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan bayaran bonus syarikat subsidiari perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat berkenaan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan. Semakan Audit mendapati GASB telah membuat pembayaran bonus kepada kakitangan dan Lembaga Pengarah masing-masing berjumlah RM71,156, RM121,993 dan RM90,000 pada tahun 2009 hingga 2011. Pemberian bonus tersebut telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah tetapi tidak dikemukakan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

5.4.3.8. Pengurusan Aset

Pengurusan aset merupakan satu elemen penting dalam pengurusan syarikat bagi menentukan aset yang diperolehi telah direkodkan, disimpan dan dikawal dengan


sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. GASB memiliki pelbagai aset antaranya perabot, komputer, peralatan pejabat dan peralatan pembelajaran bagi setiap kursus yang dikendalikan oleh SPPNS dan ITYNS. Lawatan Audit mendapati pembelian aset yang berlebihan dilakukan bagi 64 unit loker, 44 unit katil dan 41 unit tilam yang disimpan di Asrama Lelaki dan Rumah Warden di Blok 2 bangunan asrama ITYNS seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.3**. Kos pembelian aset tersebut dianggarkan berjumlah RM36,785.

Gambar 5.1
Aset Yang Dibeli Belum
Digunakan/Diagihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Lelaki, Dorm 2, Blok 2, ITYNS
Tarikh: 3 April 2012

Gambar 5.2
Aset Yang Dibeli Belum
Digunakan/Diagihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Asrama Lelaki, Dorm 2, Blok 2, ITYNS
Tarikh: 3 April 2012



Gambar 5.3
Pembelian Talam Yang Berlebihan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Warden, Blok 2, ITYNS
Tarikh: 3 April 2012

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat GASB masih memerlukan penambahbaikan kerana Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dilaksanakan mengikut peraturan dan rancangan korporat tidak disediakan bagi menentukan hala tuju penubuhan syarikat yang bersifat berterusan. Manakala pembayaran dividen dan bonus tidak mengikut pekeliling yang ditetapkan selain terdapat kelemahan dalam pengurusan aset.

5.5. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan GASB mengambil tindakan terhadap perkara berikut bagi mempertingkatkan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat:

5.5.1. Meningkatkan usaha menarik lebih ramai pelajar untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan selain menambah dan mempelbagaikan lagi kursus yang boleh menarik minat pelajar mengikuti pengajian di pusat pengajian yang disediakan.

5.5.2. Mengadakan perbincangan dengan Yayasan bagi mencari kaedah penyelesaian terbaik berkenaan tunggakan sewa. Manakala sewa bulanan semasa perlu dijelaskan secara berkala setiap bulan bagi mengelakkan tunggakan sewa terus meningkat dan membebankan kewangan GASB.

5.5.3. Memastikan pembelian aset dirancang dengan baik bagi mengelakkan pembelian yang berlebihan dan mengakibatkan pembaziran.

5.5.4. Memastikan peraturan berkaitan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan pengurusan kewangan sentiasa dipatuhi.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

11 Februari 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my